



# Melaka mahu pulih sektor pelancongan



Cabaran Datuk Muhammad Jailani Khamis memperkasakan kembali industri pelancongan Melaka di kala berhadapan dengan pandemik COVID-19

BERITA PUENUH MUKA 2 &amp; 3

Eksklusif  
MHI

MPHTJ timbang rasa,  
selami masalah peniaga

8

Fokus DUN : Klebang

10

'Jual gajus, emping jagung untuk sara hidup'

18



## KEMPEN WAKAF 1.5 JUTA NASKAH AL QURAAN BESERTA SANAD ILMU MUKJIZAT AL QURAAN

NASKAH AL QURAAN YANG TELAH DIWAKAFKAN AKAN DIAGIHKAN KEPADA



PESANTREN

PONDOK

MADRASAH

AKADEMI AL QURAAN

MAAHAD TAHFIZ

PUTUS PENGAJIAN AL QURAAN

INSTITUT AL QURAAN

KOLEJ AL QURAAN

DI DALAM DAN LUAR NEGARA

PAKEJ INDIVIDU

RM 25 / 1 NAMA

PAKEJ SOLIHEEN

RM 125 / 5 NAMA

PAKEJ ULUL ILMI

RM 255 / 10 NAMA

PAKEJ ULUL ALBAB

RM 555 / 15 NAMA

Faiz Hasan

**KETIKA** negara berdepan dengan serangan wabak pandemik COVID-19, pelbagai sektor ekonomi terutama dalam industri pelancongan umumnya hilang tempat bergantung.

Wartawan Melaka Hari Ini (MHI) pada 10 Ogos lalu berkesempatan mengikuti Datuk Muhammad Jailani Khamis untuk merasai sendiri pengalaman sehari bersama beliau.

Merasai pengalaman itu, tanggungjawab besar yang digalas Exco Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan negeri ini tetap berhempas pulas memastikan sektor penyumbang ekonomi Melaka terus dibangunkan ketika negara diduga wabak itu.

Ternyata ia bukanlah satu tugas yang mudah, namun memerlukan kemahiran dan kesabaran yang cukup mendalam bagi mendepani dilema yang ditanggung setiap penggiat industri terbabit.

#### TUNAI AMANAH SEAWAL PAGI

Jam menunjukkan tepat pukul 4 pagi dan ketika inilah beliau menjalani rutin sebagai seorang hamba yang tidak lekang dengan amalan sunnatnya sebelum subuh menjelma.

Baginya, inilah masa untuknya meluahkan segala hajat dan jalan penyelesaian kepada Allah dengan amalan solat sunat dan lima surah yang menjadi rutin hariannya.

Tepat jam 8.30 pagi, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rembia ini mula mengatur langkah dan setelah bersiap beliau terus menuju ke pejabat JAPERUN bagi melunaskan tugasnya.

Pada hari itu juga, beliau diberi tanggungjawab untuk menghadiri Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) di Seri Negeri dan kemudian mula bergerak ke lokasi yang mengambil masa kira-kira 20 minit.

Sejurus selesai, kami dimaklumkan bahawa beliau akan menghadiri mesyuarat seterusnya pada hari sama bagi menyelesaikan segala permasalahan rakyat terutama dalam sektor pelancongan Negeri Melaka.

#### PANTAU KEADAAN KAWASAN PELANCONGAN UTAMA

Pada jam 2 petang, biaupun dalam keadaan cuaca tidak menentu, kami terus mengikuti jejak beliau dan ternyata kali ini perjalanan diteruskan ke kawasan utama pelancongan di Banda Hilir bagi meninjau dan melakukan lawatan kerja di sekitar kawasan itu.

Di sudut matanya, pelbagai perancangan akan direncanakan bagi membangunkan semula kota pelancongan yang dahulu dihujani ribuan pelancong namun kini semakin sepi berikutnya terpaksa ditutup.

Beliau sempat beramah mesra dan menyantuni peniaga di kawasan itu malah memberikan kata semangat kepada mereka dan menjamin industri itu akan dirancakkan selepas penularan COVID-19.

Ketika itu kami umpama ditemani 'tour guide' kerana setiap lokasi yang dibawa beliau sendiri bukan sahaja akan berkongsi perancangannya

24 JAM BERSAMA EXCO PELANCONGAN, WARISAN DAN KEBUDAYAAN

# Misi perkasa semula sektor pelancongan



JAILANI (kanan) turut menyantuni serta bertanya khabar peniaga yang beroperasi di hadapan Bangunan Stadthuys, baru-baru ini.

terhadap pembangunan, malah menceritakan setiap sejarah yang tersirat di setiap mercu kawasan itu.

Itu menandakan peribadinya yang penuh dengan ilmu sejarah dan perancangan bandar perlu dicontohi dan bersesuaian dengan portfolio yang disandangnya.

Bagi Muhammad Jailani, khazanah yang ditinggalkan di kawasan itu memberi seribu makna buatnya sehingga beliau akan memastikan setiap laluan yang disediakan perlulah selamat buat pelancong.

#### BERTEGAS LAKSANAKAN TINDAKAN

Ketika sektor pelancongan ditutup, terdapat beberapa kerosakan akibat perbuatan vandalisme oleh individu tidak bertanggungjawab.

Beliau sehubungan itu terus membuat beberapa panggilan telefon termasuk meminta pihak berkuasa tempatan (PBT) terlibat untuk terus melaksanakan kerja-kerja pembersihan.

#### SELESAIKAN MASALAH DI JAPERUN

Setelah berpuas hati, perjalanan tugasnya diteruskan ke pejabat Jawatankuasa Pembangunan dan Penye-

larasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) kawasannya.

Sebaik tiba, beliau segera menuaikan solat dan terus mempermaksa setiap tugas yang perlu disiapkan terutama bantuan untuk rakyatnya yang perlu disegerakan.

Baginya, kebijikan rakyat merupakan nadi utama dan sekiranya perkara itu tidak mampu dilaksanakan sendiri beliau akan mengarahkan kakitangan terlibat mewakilinya bagi menyampaikan bantuan buat rakyat.

#### CABARAN SEBAGAI WAKIL RAKYAT

Berkongsi pengalamannya menjadi wakil rakyat dalam dua tumpuk pimpinan berbeza sejak tiga tahun lalu sehingga kini, beliau menolak ketepi dalam kemelut politik yang melanda negara.

Biaupun beliau sendiri berdepan dugaan apabila anak mengalami sakit buah pinggang, Muhammad Jailani berpegang dengan prinsipnya, untuk melihat setiap permasalahan rakyat.

"Alhamdulillah setakat ini tidak ada satu pun masalah rakyat yang datang di JAPERUN tidak mampu diselesaikan

"Kepada mereka yang berhati

II Pelbagai perancangan akan direncanakan bagi membangunkan semula kota pelancongan yang dahulu dihujani ribuan pelancong namun kini semakin sepi berikutnya terpaksa ditutup. II

busuk, berniat jahat dan tidak ikhlas kepada Allah SWT dan memberi perspsi berbeza kepada saya, saya akan abaikan kerana mereka adalah racun, kuman dan virus dalam pembentukan sebuah ummah.

"Pernah juga diludah, dihina namun saya tetap meneruskan perjuangan ini kerana bagi saya jika diludah kita lapkan saja dan ia perkara

kecil bagi saya sebab ujian ini tidak sehebat dugaan Rasulullah SAW yang berjuang demi umatnya," katanya.

Diari tugasnya pada hari tersebut tamat sekitar jam 7 petang dan beliau terus pulang ke rumahnya untuk menyambung tanggungjawabnya kepada keluarga yang juga bapa kepada 14 orang anak.

WAKTU SOLAT					
	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB
	16 OGOS 2021	6.00 am	7.10 am	1.18 pm	4.35 pm
	17 OGOS 2021	6.00 am	7.10 am	1.18 pm	4.34 pm
	18 OGOS 2021	6.00 am	7.10 am	1.17 pm	4.34 pm
	19 OGOS 2021	6.00 am	7.10 am	1.17 pm	4.33 pm
	20 OGOS 2021	6.00 am	7.09 am	1.17 pm	4.32 pm
	21 OGOS 2021	6.00 am	7.09 am	1.17 pm	4.32 pm
	22 OGOS 2021	6.00 am	7.09 am	1.17 pm	4.31 pm

# Pelancongan domestik tumpuan utama

FAIZ HASAN

**KERAJAAN** Melaka telah melakukan persediaan rapi bagi membangunkan semula pelancongan domestik jika dibenarkan beroperasi menerusi Pelan Pemulihian Negara (PPN).

Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, sektor pelancongan domestik yang membawa kepada kekuatan ekonomi di Melaka, sedang diperincikan persiapannya sebagai langkah awal dalam merancakkan semula sektor pelancongan negeri ini.

Jelasnya, antaranya termasuk memasarkan promosi pelancongan domestik di negeri ini di 92 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) dengan kerjasama Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) Melaka.

"Penularan pandemik COVID-19 yang membimbangkan di Melaka telah mengakibatkan kesemua sektor pelancongan yang menjadi kekuatan Melaka terkesan sehingga ramai penggiat industri berputih mata.

"Bagi membangunkan semula pelancongan Melaka yang dibuka kepada pelancong domestik tidak lama

lagi, kerajaan negeri telah mengambil beberapa inisiatif termasuk menawarkan pelbagai hadiah dan tawaran hebat kepada pelancong yang akan datang ke Melaka.

"Ia termasuk juga dalam program 'Vax and Win' di mana dalam usaha menggalakkan suntikan vaksin seiring dengan memperkasa pelancongan Melaka," katanya.

Mengulas lanjut, menurutnya, pelbagai produk baharu pelancongan Melaka sedang dalam senarai pelaksanaannya dan akan dilancarkan sejurus sektor itu dibenarkan semula beroperasi yang dijangka November ini.

"Apabila sektor pelancongan negeri ini dibenar beroperasi semula kelak, kerajaan negeri perhebatkan pelbagai penawaran seperti pelancaran Bas Singgah-Singgah yang menawarkan pakej pelancongan di sembilan lokasi menarik kepada pelancong domestik.

"Kerajaan negeri sedang merangka strategi terbaik agar perjalanan pelancongan nanti lebih sistematis dan efisien kepada pelancong," kata-



pelbagai produk baharu pelancongan Melaka sedang dalam senarai pelaksanaannya dan akan dilancarkan sejurus sektor itu dibenarkan semula beroperasi yang dijangka November ini. //

## Vaksinasi penggiat pelancongan Sasar 100 peratus terima dos penuh Nov ini

**USAHA** vaksinasi ke atas semua penggiat industri pelancongan negeri ini diberi penekanan khusus oleh Kerajaan Melaka sebelum pembukaan sektor itu dalam Fasa 2 PPN.

Datuk Muhammad Jai-

lani Khamis berkata, kerajaan negeri memandang serius me-negenai perkara tersebut dan mahu setiap individu penggiat industri tersebut menerima suntikan vaksin COVID-19.

Jelasnya, setakat ini ha-

nya sekitar 60 peratus penggiat industri itu telah terima suntikan vaksin dan program vaksinasi akan diperluaskan agar tiada yang terkecuali terima suntikan.

"Berdasarkan maklumat diterima dari tujuh badan bu-

kan kerajaan (NGO) pelancongan Melaka, sehingga 10 Ogos lalu sekitar 458 penggiat industri pelancongan masih belum terima suntikan vaksin, 75 peratus daripadanya adalah pengusaha hotel, chalet dan resort.

"Kita menyasarkan 100 peratus penggiat industri pelancongan akan menerima dos penuh suntikan vaksin menjelang November depan," kata-

Mengulas lanjut, kerajaan negeri menyarankan ke-

pada mana-mana penggiat industri itu yang masih belum lagi menerima suntikan vaksin segera menghantar nama kepada Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) Melaka bagi segera mendapatkan suntikan.

## RiVAC sasar 800 penerima vaksin sehari – Ismail



ISMAYL (dua kiri) melihat pendaftaran penerima vaksin di PPVIN RiVAC Dataran Pahlawan Melaka Megamall pada 13 Ogos lepas.

Liana Sahabudin

**BANDA HILIR** – Program Vaksinasi Industri Peruncitan (RiVAC) yang pertama di negeri ini menyasarkan 800 penerima dibekali suntikan vaksin COVID-19 setiap hari.

Exco Tenaga Kerja dan Hal Eh-wal Pengguna, Datuk Wira Ar Ismail Othman berkata, ia membabitkan pekerja barisan hadapan ekonomi khususnya bagi sektor peruncitan.

"Program RiVAC ini bermula 13 Ogos hingga pertengahan September depan.

"Kita jangka 8,000 pekerja akan menerima vaksin ini meliputi bahagian stor, juruwang, jurujual pasar raya dan pasar raya besar, pegawai kaunter khidmat pelanggan, pegawai keselamatan pasar raya, pengurus kompleks beli-belah dan banyak lagi," kata-

nya. Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan ke Pusat Pemberian Vaksinasi

Industri (PPVIN) RiVAC di Dataran Pahlawan Melaka Megamall, pada 13 Ogos lepas.

Hadir sama Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka Norena Jaafar.

Jelasnya, syarikat dan majikan yang menyertai RiVAC tertakluk kepada terma dan syarat pelaksanaan program vaksinasi melalui PPVIN yang ditetapkan Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) dan KPDNHEP.

"Penerima vaksin ini adalah mereka yang sudah didaftarkan di bawah syarikat atau majikan mereka sendiri."

"Kita tidak benarkan mereka 'walk in' untuk mendapatkan vaksin, kita hanya tumpu pada majikan dan pekerja-pekerja sahaja."

"RiVAC ini dibuka setiap hari dari jam 8 pagi hingga 5 petang, saya percaya usaha ini dapat meramaikan lagi penerima vaksin di Negeri Melaka," katanya.

## Program Destinasi Bebas COVID-19 MOTAC

# Melaka senaraikan lima destinasi

**Farah Suhaidah Othman**

**MELAKA** menyenaraikan lima destinasi tumpuan pelancong bagi mempercepatkan serta menggandakan bilangan individu di kawasan itu selepas mereka menerima dos lengkap vaksin.

Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan (BPP), Saari Basiron berkata, ia adalah Muzium Samudera

dan Muzium Kapal Selam, Melaka River Cruise, Menara Taming Sari selain Zoo Melaka dan A'Famosa Resort.

Menurutnya, menerusi Program Destinasi Bebas COVID-19 yang diperkenalkan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Melaka menjadi destinasi fasa ketiga yang akan melalui program berkenaan.

Katanya, bagi fasa pertama sudah dilaksanakan di Pulau Langkawi dan Kuching, manakala buat masa ini fasa kedua program terbabit sedang dilaksanakan di lima pulau tumpuan pelancong seperti Pulau Redang, Pulau Perhentian dan Pulau Tioman.

"Selepas selesai fasa kedua itu, Melaka antara negeri yang tersenarai dalam

fasa ketiga yang mana kita menyenaraikan lima lokasi tumpuan pelancong.

"Antara destinasi yang kita fokuskan untuk pemberian vaksin dalam program itu adalah muzium yang ada di negeri ini seperti Muzium Samudera dan Muzium Kapal Selam.

"Seterusnya, Melaka River Cruise, Menara Taming Sari selain Zoo Melaka dan

A'Famosa Resort," katanya ketika dihubungi Melaka Hari ini (MHI).

Mengulas lanjut, beliau berkata, fasa kedua program tersebut sedang dijalankan namun memandangkan kes semakin meningkat, berlaku sedikit kekangan terhadap kelancaran proses itu.

"Bagaimanapun, kita harapkan terbaik supaya fasa ketiga dapat dilaksanakan



**SAARI Basiron**

dalam masa terdekat selesa fasa kedua nanti," katanya.

## MTA cadang premis pelancongan diberi petaulahan COVID-19

**PERSATUAN** Pelancongan Melaka (MTA) mencadangkan setiap premis pelancongan diberikan petaulahan keselamatan kesihatan atau 'safety health accreditation' (SHA).

Presidennya, Madeline Kuah Wey Lee berkata, petaulahan itu harus diberikan oleh sesuatu organisasi seperti pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi memastikan setiap premis yang menyediakan produk atau perkhidmatan pelancongan bebas dari COVID-19.

Katanya, sekiranya sektor pelancongan beroperasi semula dalam tempoh beberapa bulan lagi, sekurang-kurangnya petaulahan itu dapat meyakinkan pelancong untuk terus berkunjung ke negeri ini.

"Mengambil contoh daripada negara membangun Asia seperti Hong Kong, kebanyakan premis mereka mengamalkan petaulahan itu dan jika ia dilaksanakan di negeri ini, sektor pelancongan mampu bangkit



**MADELINE**

kembali.

"Ia sekali gus menyuntik keyakinan dalam kalangan pelancong sama ada domestik maupun antarabangsa untuk terus memilih Melaka sebagai destinasi pilihan kerana mereka yakin negeri ini selamat dan bebas daripada penularan," katanya ketika dihubungi MHI.

Sementara itu, beliau turut mencadangkan supaya membangunkan Program Sandbox Melaka yang mampu mengesan pelancong yang sudah lengkap mendapatkan suntikan vaksin.

"Menerusi program itu, kita boleh kesan kemasukan pelancong yang sudah lengkap divaksin menerusi imbasan QR Code dan dengan cara ini ia dapat mengurangkan risiko jangkitan di lokasi pelancongan," katanya.

Dalam pada itu, Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) yang diaktifkan semula juga perlu digunakan di negeri ini sebagai satu usaha untuk meransang sektor ekonomi pelancongan Melaka.

Jelasnya, semua cadangan berkenaan diyakini dapat mempromosikan semula Melaka sekali gus memberi jaminan kepada pelancong luar untuk terus berkunjung ke kawasan pelancongan Melaka.

## Penggiat industri pelancongan mohon percepat vaksinasi

**Fiqqa Jamal**

**PENGGIAT** industri pelancongan Melaka sambut baik usaha kerajaan negeri dalam melaksanakan program vaksinasi khusus untuk pemain industri pelancongan di negeri ini.

Pengerusi Persatuan Hotel Batu Melaka (MYBHA) Sazali Sabri berkata usaha itu wajar dilaksanakan memandangkan Melaka merupakan negeri pelancongan dan dijangka akan ke fasa kedua Pelan Pemulihran Negara (PPN) hujung bulan ini.

Katanya dianggarkan sehingga kini, hanya 40 peratus daripada penggiat industri berkenaan yang sudah divaksin bagi dos pertama manakala 30 peratus bagi dos kedua.

"Saya melihat usaha Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali ini wajar disegerakan, kerana sekiranya sektor pelancongan dibuka, orang ramai boleh keluar untuk melancong.

"Persiapan penggiat industri pelancongan dalam menerima pelancong adalah dengan memberi vaksin yang lengkap. Tapi apabila kita tidak mendapat vaksin, pelancong pun takut mahu menginap di hotel.



**SAZALI**

"Saya boleh anggarkan dalam 40 peratus saja yang sudah divaksin satu dos dan kemungkinan yang lengkap dua dos pula dalam 20 hingga 30 peratus. Jadi kita kena percepatkan usaha vaksinasi tersebut," katanya kepada MHI.

Sementara itu, Penggerusi Persatuan Pemandu Pelancongan Melaka Ho Lee Choo Shirley, turut menyambut baik usaha kerajaan untuk melaksanakan program vaksinasi pelancongan.

Katanya, pemberian vaksin itu perlu dipercepatkan memandangkan kes harian yang tinggi sehingga mencecah lebih 20,000 kes sehari membimbangkan penggiat industri sekiranya Melaka berubah ke fasa 2.

Tambahnya, di bawah persatunya, seramai 145 orang sudah menerima vaksin dan yang masih menunggu janji temu seramai 25 orang.

"Untuk menghidupkan kembali sektor pelancongan Melaka ini, bagi saya pemberian vaksin perlu diberi secara menyeluruh dengan cepat.

"Ini kerana, vaksin ini dilihat sebagai perisai untuk kita apabila bekerja memberikan perkhidmatan sebagai pemandu pelancong," katanya.



**SHIRLEY**

### STATISTIK PERKEMBANGAN MELAKA PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN

\*Data setakat 12 Ogos 2021 / 11:59:00 malam

**618,159** Sudah Daftar

91.3%

**416,386** Dos pertama

61.5%

**252,985** Dos kedua

37.3%

#### LAPORAN HARIAN PEMERIAN DOS VAKSIN

DOS PERTAMA DOS KEDUA

6,751 6,903

#### JUMLAH PENDAFTARAN



#### JUMLAH DOS PERTAMA DAN KEDUA



#### KESELURUHAN TERDAPAT 72 PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV) BERIKUT 23 LOKASI PPV > SEMUA DAERAH

- 1 BAYU LAGOON
- 2 KOMPLEKS SUKAN MASJID TANAH
- 3 TEXAS INSTRUMENT
- 4 INFINEON TECHNOLOGIES
- 5 YAYASAN TOH PUAN ZURINA
- 6 ENCORE
- 7 DEWAN MPI HJ. AHMAD ITHNIN MERLIMAU
- 8 DEWAN JAPERUN AYER MOLEK
- 9 DEWAN MMU
- 10 HOSPITAL MELAKA
- 11 DEWAN TAMING SARI, UTM LENDU
- 12 DEWAN MPJ ALAMANDA JASIN
- 13 DEWAN HANG TUAH
- 14 DEWAN JAPERUN SUNGAI UDANG
- 15 HOSPITAL JASIN
- 16 DEWAN BUNGA TANJUNG
- 17 DEWAN JAPERUN KLEBANG
- 18 DEWAN TUN ALI
- 19 HOSPITAL ALOR GAJAH
- 20 DEWAN MBMB TAMAN BERTAM JAYA
- 21 DEWAN CREATE
- 22 DEWAN CTRM
- 23 DEWAN MPHTJ BUKIT BERUANG

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**BUKIT PALAH** – Hospital Medan Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia (MERCY Malaysia) di Hospital Melaka (HM) kini ber-operasi bermula 11 Ogos lepas.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, hospital itu yang mengambil masa empat hari untuk disiapkan, mampu menempatkan sekurang-kurangnya 75 pesakit COVID-19 kategori 3 dan 4.

Bagaimanapun, beliau berkata, sekiranya ada keperluan, kapasiti itu boleh ditingkatkan menjadi 100 katil untuk merawat pesakit COVID-19.

"Hospital Medan MERCY Malaysia ini berfungsi sebagai penempatan sementara pesakit COVID-19 kategori 3 dan 4 di negeri ini sebelum dimasukkan ke wad COVID-19 di HM."

"Kapasiti katil yang disediakan buat masa ini ialah 75 katil membabitkan 45 katil bagi pesakit lelaki dan 30 pesakit wanita."

"Dengan kerjasama MERCY Malaysia, kita hanya memerlukan empat hari sahaja untuk menyiapkan sepenuhnya hospital medan ini dengan pembinaan telah bermula pada 7 Ogos dan siap sepenuhnya 10 Ogos lalu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan ke Hospital Medan MERCY Malaysia di HM pada 11 Ogos lepas, yang turut dihadiri Exco Kesihatan, Datuk Rahmad Mariman.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata, beliau berpuas hati dengan segala ciri-ciri keselamatan yang disediakan di hospital medan berkenaan.

"Alhamdulillah ciri-ciri keselamatannya cukup baik yang mana telah disediakan 'smoke detector' alat pemadam api dan segala-galanya

# Hospital Medan Melaka mula beroperasi



**SULAIMAN** (tengah) diiringi **Rahmad** (kanan) serta **Pemangku Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Melaka (JKNM)** Dr. **Rusdi Abdul Rahman** ketika meninjau fasiliti yang terdapat di Hospital Medan Melaka pada 11 Ogos lepas.

yang diperlukan sekiranya berlaku sebarang kejadian tidak diingini.

"Malah, pintu kecemasan dan tempat berkumpul juga telah disediakan dengan setiap pesakit akan diberikan taklimat mengenai

sebarang kemungkinan."

"Saya juga berterima kasih kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Melaka dan pelbagai agensi berkaitan yang turut sama membantu dalam melancarkan hos-

pital medan ini," katanya lagi.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan Hospital Medan MERCY Malaysia itu buat masa ini hanya akan mengendalikan kes-kes berkaitan COVID-19 sahaja.

## Dua dos vaksin Melaka capai nilai ambang 40 peratus - KM

**SERI NEGERI** – Melaka akan mencapai nilai ambang 40 peratus penduduk berusia 18 tahun ke atas yang lengkap dua dos vaksinasi menjelang Hari Kebangsaan ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata perkara itu dimaklumkan menerusi Jawatankuasa Khas COVID-19 biarpun Melaka masih berada dalam Fasa Pertama Pelan Pemulihan Negara (PPN).

"Sama-samalah kita terus berdoa semoga Negeri Melaka dapat segera beralih ke fasa seterusnya."

"Sepanjang tempoh berdepan dengan cabaran pandemik COVID-19 ini, Kerajaan Persekutuan mahupun kerajaan negeri telah melaksanakan pelbagai usaha dan tindakan bagi membendungnya," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Melaka 2021 secara maya di Pejabat Ketua Menteri, pada 7 Ogos lepas.

Katanya, kerajaan negeri telah pun mengumumkan Paket Rangsangan Ekonomi Melakaku Maju Jaya 2021 dalam memastikan kesejahteraan rakyat terjamin dan terpelihara.

"Saya harap semua agensi kerajaan yang diberikan amanah dan tanggungjawab lebih peka dan proaktif melihat kesukaran yang dihadapi rakyat dan memberikan bantuan bersesuaian," katanya.

## Sindiket jual darjah kebesaran palsu Calar imej kerajaan negeri

**Farah Suhaidah Othman**

**SERI NEGERI** – Kerajaan Melaka tidak akan berkompromi dalam isu sindiket pemalsuan watikah dan pingat darjah kebesaran negeri.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, kegiatan itu menjelaskan imej pentadbiran kerajaan negeri berikutnya setiap penganugerahan pingat kebesaran perlu dilakukan mengikut undang-undang dan disampaikan sendiri oleh Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam.

Katanya, orang ramai diingatkan supaya tidak mengambil jalan pintas bagi mendapatkan pingat atau bintang darjah kebesaran negeri itu tanpa melalui agensi yang sepatutnya.

"Pastikan tawaran itu datang daripada pihak kerajaan negeri bukan daripada orang perseorangan yang tidak ada kena mengena dengan Kerajaan Melaka."

"Kita ada unit-unit yang bertanggungjawab mengendalikan pengurniaan darjah kebesaran yang mana ia telah diwartakan," katanya kepada pemberita di pejabatnya, di sini pada 11 Ogos lepas.

Turut hadir, Ketua Polis Melaka Datuk Abdul Majid Mohd Ali.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata, individu yang menerima darjah kebesaran itu akan melalui prosedur penerimaan anugerah.

"Dia mesti dipanggil dan akan melalui

proses raptai serta penerimaan surat tawaran sebelum disampaikan sendiri Tuan Yang Terutama (Tun Mohd Ali)," katanya.

Terdahulu, MHI melaporkan polis Melaka berjaya menumpaskan kegiatan sindiket pemalsuan watikah dan darjah kebesaran Negeri Melaka hasil tangkapan 34 individu dalam serbuan berasingan di Melaka, Kuala Lumpur dan Selangor yang dijalankan antara 22 Februari hingga 29 Mac lalu.

Sindiket didalangi dua individu berusia lingkungan 40-an dipercayai aktif melakukan kegiatan itu sejak awal tahun ini dan menjual watikah, pingat dan bintang palsu darjah kebesaran negeri Melaka dengan harga antara RM50,000 hingga RM100,000.



**SULAIMAN** (kanan) bersama **Abdul Majid** (kiri) menunjukkan watikah serta pingat darjah kebesaran palsu yang dirampas oleh pihak polis.

Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Melaka

# TYT, KM sertai majlis kesyukuran secara maya

Liana Sahabudin

**AYER KEROH** – Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam menyertai Majlis Kesyukuran Sempena Sambutan Maal Hijrah 1443H Peringkat Negeri Melaka Tahun 2021 secara maya di Facebook rasmi Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) pada 9 Ogos lepas.

Turut hadir, Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Majlis itu juga bersempena Setahun Pelantikant Mohd Ali sebagai Yang di-Pertua Negeri Melaka.

Turut serta, isteri Yang di-Pertua Negeri Toh Puan Asmah Abdul Rahman, isteri Ketua Menteri Datin Seri Utama Munirah Yusop, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Seri Ab Rauf Yusoh dan barisan Exco kerajaan negeri.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah serta bacaan doa bagi mendapatkan keberkatan yang dipimpin Mufti Melaka Datuk Wira Abdul Halim Tawil sebelum meneruskan bacaan surah Yasin.

Penganjuran majlis tersebut mendapat kira-kira 1,000 tontonan dan berakhir kira-kira jam 7.20 malam yang disudahi dengan bacaan doa akhir tahun.



MAJLIS Kesyukuran Sempena Sambutan Maal Hijrah 1443H Peringkat Negeri Melaka Tahun 2021 diadakan secara maya di Facebook rasmi JAIM.

## KEMUDAHAN BAGI INDIVIDU LENGKAP VAKSINASI BERMULA 10 OGOS 2021

### KRITERIA LENGKAP VAKSINASI



- Melepas hari ke-14 dari tarikh suntikan dos ke-2



- Melepas hari ke-28 dari tarikh suntikan

### TERBUKA BAGI SEMUA PASA PPN

#### KUARANTIN WAJIB DI RUMAH

Bagi pengembara wargatempatan & bukan warganegara yang mempunyai kediaman di Malaysia (termasuk PR & Malaysia My Second Home)

#### KUARANTIN WAJIB DI RUMAH

- Pasangan suami isteri jarak jauh dibenarkan bertemu.
- Ibu Bapa dibenarkan melawat anak di bawah umur 18 tahun

#### AKTIVITI IBADAT BERAGAMA ISLAM

- Hanya solat dibenarkan di masjid & surau
- Tertakluk kepada pihak berkuasa agama negeri
- Bukan Beragama Islam
- Dibenarkan hadir rumah ibadat
- Tertakluk kepada Kementerian Perpaduan Negara

#### SUKAN/REKREASI

- Tanpa sentuhan fizikal/tidak berkumpul
- Di kawasan terbuka & separa terbuka
- 6 pagi - 10 malam
- Tidak dibenarkan guna bilik persalinan/bilik mandi di premis rumah kelab
- Pelancongan
- Dalam negeri yang sama melibatkan inap desa & hotel

### TERBUKA BAGI NEGERI PASA 2 & SETERUSNYA

#### RENTAS DAERAH

Pamer sijil digital vaksinasi COVID-19 di sekatan jalan raya

#### PREMIS MAKAN

- Makan di permis apabila perlu sahaja & tidak luangkan masa terlalu lama
- Dinasihatkan beli & bawa balik lebih ruang di luar bagi pengudaraan lebih baik
- Ibu bapa yang bawa anak berusia 17 tahun ke bawah perlu pastikan mereka patuhi SOP

## Peruntukan RM25 juta untuk pulih industri seni budaya

Fiqah Jamal

**KUALA LUMPUR** – Inisiatif kerajaan menerusi Paket Rangsangan Industri Kreatif Malaysia (PRISMA) dengan kerjasama Agensi Ekonomi Seni Budaya (CENDANA) meluluskan peruntukan RM17 juta bagi membantu penggiat seni industri kreatif yang terjejas.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Saifuddin Abdullah turut memaklumkan pertambahan RM8 juta yang bakal ditadbir urus di bawah CENDANA bagi memastikan momentum pemulihan industri seni budaya dilakukan secara berterusan.

Katanya, PRISMA adalah inisiatif jangka pendek kerajaan bagi membantu kelangsungan serta kelestarian penggiat seni di Malaysia dengan pembudayaan norma baharu dalam keadaan pandemik COVID-19.

“Kerajaan prihatin dan memahami situasi dihadapi penggiat seni dan pekerja di belakang tadbir industri seni budaya yang terkesan daripada pandemik COVID-19.

“Kita tidak mahu seni dan budaya di negara ini pupus dibawa arus Pandemik COVID-19, justeru Kementerian Komunikasi dan Multimedia ambil maklum akan usaha untuk mengembalikan industri kreatif seiring dengan norma baharu,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media Inisiatif Pemulihan CENDANA di bawah PRISMA secara maya pada 9 Ogos lepas.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif CENDANA, Izan Satrina Mohd Sallehudin dan Pengurus MyCreative Ventures, Noor Azmi Mat Said.

Untuk rekod, sebanyak 32 program disediakan di bawah PRISMA yang bakal memanfaatkan lebih 9,000 penggiat seni kreatif yang terjejas COVID-19 sekali gus usaha itu bakal mewujudkan lebih 40,000 peluang pekerjaan.



Kerajaan prihatin dan memahami situasi dihadapi penggiat seni dan pekerja di belakang tadbir industri seni budaya yang terkesan daripada pandemik COVID-19  
-SAIFUDDIN



IALAH ANDA!

Nak tahu?

Peranti Pintar 5G

Kandungan kreatif

Perniagaan dalam talian

Cybersecurity

Di MMU ada jawapannya.

Kemasukkan  
September  
2021 Kini  
Dibuka

**MMU ialah Anda  
Menerajui Masa Hadapan Digital**

Layari [mmu.edu.my](http://mmu.edu.my)



MPHTJ timbang rasa

# Tiada tindakan peniaga 'sangkut' bayar sewa kedai



**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**AYER KEROH** - Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) mengamalkan pendekatan bertimbang rasa ke atas semua peniaga di kawasan itu sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pelan Pemulihian Negara (PPN) Fasa 1.

Yang Dipertua Ayer Keroh, Shadan Othman berkata, disebabkan ramai peniaga yang terjejas, pihaknya tidak akan mengambil tindakan ke atas mana-mana peniaga yang mempunyai masalah tertentu.



SHADAN

Ia termasuk tidak menghalau mereka sekiranya ada peniaga tertunggak bayaran sewa atau tidak mampu membayar secara ansuran sehingga ekonomi mereka kembali stabil.

bayar sewa premis MPHTJ sepanjang tempoh-tempoh sukar ini.

"Pendekatan kita, ialah kita akan cuba menyelami masalah mereka. Kita faham dalam keadaan ekonomi semasa ramai yang terjejas.

"Jadi di pihak MPHTJ, kita masih lagi boleh bertimbang rasa sekiranya ada peniaga yang tidak mampu yang mana mereka boleh membayar secara ansuran sehingga ekonomi mereka kembali stabil.

"Jika ada tunggakan sekalipun, ia tidak akan dikira

sebagai denda lewat dan kita juga tidak akan mengambil tindakan selagi PKP masih berterusan," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengenai isu peniaga kacang pool di Medan Selera Ayer Keroh yang tular baru-baru sehingga terpaksa keluar dari rumah sewa dan menginap di medan berkenaan, Shadan berkata, pihaknya turut mengambil berat mengenai permasalahan itu dengan mengadakan lawatan dan menyantuni peniaga terbabit.

Katanya, hasil pertemuan itu, peniaga berkenaan men-

gakui terkejut dan malu apabila kisahnya ditularkan di seluruh negara memandangkan situasinya tidaklah seterusnya yang digambarkan.

Namun, peniaga itu mengakui hasil jualannya sedikit terjejas menyebabkan terpaksa mengambil pendekatan drastik keluar dari rumah sewa yang disewanya RM700 sebulan sebelum ini.

"Peniaga ini sebenarnya bujang, berasal dari Johor dan merupakan anak kepada peniaga kacang pool terkenal di Larkin. Jadi, dia tidaklah susah seperti digambarkan

dan dia juga terkejut apabila kisahnya tular.

"Cuma di pihak MPHTJ kita ada beri teguran kepada mereka bahawa tempat bermingguan tidak boleh dijadikan tempat penginapan kerana kita risau kebersihan premis perniagaan itu akan terjejas.

"Jadi dalam tempoh ini, dia bersetuju untuk mencari rumah sewa yang lebih murah dan untuk sewa premis tiga bulan yang tertunggak tiga bulan itu juga, kita di pihak MPHTJ tidak mengambil apa-apa tindakan," katanya lagi.

## Peniaga kacang pool 'tular' dibantu

**Norizan Muhid**

**KISAH** peniaga kacang pool Medan Selera Ayer Keroh yang tular di Facebook baru-baru ini mendapat perhatian beberapa pihak yang prihatin menghulur bantuan.

Antara pihak tampil membantu adalah Japerun Ayer Keroh, MPHTJ dan MIC Taman Muzaffar Shah yang masing-masing membawa kit makanan berupa beras, minyak masak, telur dan makanan segera lain.

Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Keroh, Mohd Arif Yusa berkata, pihaknya simpati dengan masalah dihadapi peniaga terbabit yang hanya mahu dikenali Oyed yang terpaksa tinggal di kedainya sejak sebulan lalu kerana tidak mampu membayar sewa rumah sebanyak RM700 didiaminya sebelum ini.

"Dia terpaksa tinggal di kedai sewanya pada kadar RM500 dengan

pihak MPHTJ sejak sebulan lalu kerana perniagaan kacang pool yang diusahakannya sejak tiga tahun lalu kurang mendapat sambutan akibat pandemik COVID-19.

"Jadi, pihak Japerun Ayer Keroh akan membantu Oyed mencari rumah sewa agak murah sekitar RM250 berhampiran Medan Selera Ayer Keroh," katanya ditemui pada lawatan itu.

Hadir sama Yang Dipertua MPHTJ, Datuk Shadan Othman dan Pengurus MIC bahagian Hang Tuah Jaya, P Ambalanah.

Menurut Mohd Arif, pihak MPHTJ juga bersetuju membenarkan Oyed tinggal sementara di situ sebelum dia berpindah ke rumah sewa baharu nanti.

Katanya, MPHTJ juga bertolak ansur untuk tidak memaksakan peniaga itu menjelaskan segera bayaran sewa tertunggak berjumlah RM1,146 kerana memahami situasi sukar dihadapinya.



dapinya.

"Mujurlah sekarang kadar sewa kedai MPHTJ dikurangkan 25 peratus sehingga Disember ini, jadi peniaga hanya bayar sewa sekitar RM250 sebulan, maka ringanlah sedikit beban kewangan mereka yang terkesan akibat pandemik," katanya.

Dalam pada itu, Mohamad Arif berkata, pihaknya prihatin dengan nasib golongan terjejas COVID-19 dan bersedia menyalurkan bantuan sewajarnya.

Katanya, pihak Japerun Ayer Keroh sentiasa mengalu-alukan kunjungan masyarakat DUN Ayer Keroh yang memerlukan bantuan khususnya mereka yang terputus barang keperluan harian.

"Kita mahu memastikan setiap anggota masyarakat DUN Ayer Keroh tidak kira usia mahupun berbeza latar belakang budaya mendapat perhatian dan bantuan sewajarnya," katanya.

Untuk rekod ketika ini DUN Ayer Keroh mempunyai 26,068 pengundi melibatkan lapan JPKK; 32 taman perumahan manakala kemudahan infrastukturnya terdiri enam masjid; 24 surau, lapan sekolah rendah serta empat sekolah menengah.



SHADAN (kiri) bertanyakan sesuatu kepada Oyed sambil diperhatikan Mohd Arif (kanan) di kedai peniaga itu di Medan Selera Ayer Keroh, baru-baru ini.

## PENDIKA terima sumbangan kit makanan MAIM

**Fiqa Jamal**

**BUKIT PALAH** - Seramai 50 pengamal media di Melaka menerima kit makanan dari Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) menerusi Bantuan Makanan Keemasan (MUSA'ADAH) dan Kelab Pengamal Media Melaka (PENDIKA).

Sumbangan berupa makanan asas seperti beras, garam dan gula diserahkan oleh Penyelaras Bilik Gerakan COVID-19 Agensi Agama Islam Melaka Rizalman Syed kepada Pengurus Kelab PENDIKA Amir Mamad di Pekarangan Pusat Islam Melaka, Bukit Palah, pada 13 Ogos lepas.

Amir berkata sumbangan tersebut bagi meringankan beban pengamal media yang bertugas di Melaka.

Katanya, sebagai golongan barisan hadapan, pengamal media

tidak terkecuali dengan terkesan penularan COVID-19.

"Justeru dengan sumbangan ini, memberi sedikit kelegaan kepada kami golongan pengamal media dalam menghadapi tugas yang mencabar ketika penularan wabak ini.

"Di pihak PENDIKA, terima kasih kepada MAIM, yang prihatin terhadap nasib petugas media di Melaka," katanya.

Hadir sama Pengurus Biro Kebajikan dan Pendidikan, Nurshuhada Kadir.

Sementara itu, Timbalan Setiausaha PENDIKA Mohd Hamzatul Akmar Md Zakaria turut menyerahkan kit makanan kepada wakil BERNAMA Shahruka Abdul Lotib, wakil Kosmo! Nur Diyanatul Atiqah Zakarya dan wakil dari Sinar Harian Farhana Yaacob di pekarangan Rumah Media Melaka, MITC, Ayer Keroh.



RIZALMAN (tengah) melakukan simbolik penyerahan kit makanan kepada Amir (kanan) di pekarangan Pusat Islam, Bukit Palah, pada 13 Ogos lepas.

# Melaka dijangka beralih Fasa 2 hujung bulan ini

**AYER MOLEK** – Melaka dijangka boleh beralih kepada Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada akhir bulan ini.

Exco Kesihatan, Datuk Rahmad Mariman berkata, ia susulan berlaku perubahan pada nilai ambang yang tidak lagi berpandukan jumlah kes



RAHMAD

harian, sebaliknya berdasarkan kes kemasukan ke hospital bagi pesakit kategori 3, 4 dan 5.

Jelasnya, setakat ini Melaka sudah mewujudkan kriteria itu apabila merekodkan purata di bawah paras 12.2 kes kemasukan ke hospital bagi 100,000 penduduk dalam tempoh seminggu.

"Untuk seminggu, Melaka sehingga 9 Ogos lalu, kita punya rating ialah sekitar 6.1 kes dan ini bermakna kita layak untuk ke Fasa 2.

"Contohnya, semalam (9 Ogos), dalam 360 kes yang direkodkan, kita hanya ada 11 kes pesakit kategori 3 atau bersamaan 3.1 peratus, tiada pesakit kategori 4 dan hanya dua pesakit kategori 5 (0.5 peratus).

"Cumanya, ada satu syarat masih belum kita lepasi iaitu peratusan penerima vaksin lengkap sebanyak 50 peratus," katanya kepada pemberita dalam lawatan ke kebun ubi di Bukit Nibong, di sini, pada 10 Ogos lepas.

Rahmad berkata, setakat ini, Melaka telah mencapai 35.3 peratus penduduk lengkap divaksinasi, manakala bagi dos 1 pula sudah mencapai 62.6 peratus.

"Maknanya, kita hanya perlukan sekitar 15 peratus lagi untuk mencapai nilai ambang dan beralih ke fasa kedua.

"Insya-Allah, ia akan tercapai selewat-lewatnya hujung bulan ini," katanya lagi.

## JAWATAN KOSONG PEMBANTU PERIBADI

### SYARAT KELAYAKAN:

- Warganegara Malaysia.
- Keutamaan kepada perempuan bujang berumur 25 hingga 35 tahun.
- Beragama Islam.
- Memiliki lesen memandu kelas D (Manual & Automatik).
- Memiliki kenderaan persendirian.
- Keutamaan diberikan kepada anak kelelahan Melaka / menetap di Melaka.



### KELAYAKAN AKADEMIK / KEMAHIRAN KOMPUTER

- Pernah mendapat Diploma dari Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf dan calon memiliki latar belakang dalam bidang Kesetiausaha, Pentadbiran Awam, Media Massa dan lain-lain bidang yang berkaitan.
- Membantu kerja-kerja pentadbiran dengan mahir melalui penggunaan aplikasi Microsoft Office, Microsoft Excel, Dan Power Point.
- Mahir menggunakan kamera & kemahiran fotografi diutamakan.

### CIRI-CIRI YANG DIPERLUKAN:

- Semangat ingin belajar sesuatu yang baru.
- Calon memilki minimum 3 tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan.
- Pengalaman dalam bidang kesetiausaha, pentadbiran awam, media massa dan lain-lain bidang yang berkaitan adalah digalakkan.
- Berpengalaman dalam bidang protokol dan mengambil tahu mengenai perkembangan fesyen terkini.
- Mempunyai perwatakan menarik dan sentiasa rapi dalam pemakaian.
- Mempunyai sikap yang positif, daya pemikiran yang kreatif & berdikari dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.
- Membuat kerja-kerja peribadi majikan & keluarga.
- Melaksanakan tugas mengendalikan maklumat sulit majikan dengan penuh budi bicara.
- Kebolehan memandu kereta mewah (jika diperlukan).
- Boleh bekerja melakukan penugasan multi task apabila diperlukan.
- Boleh bekerja luar kawasan bersama majikan (jika perlu).
- Patuh kepada waktu bekerja yang telah ditetapkan dan tidak berkira untuk kerja lebih masa/ sekiranya diperlukan boleh selesaikan tugasan dari rumah (di luar waktu bekerja)
- Boleh bekerja dalam tekanan dan tidak mudah melatah.
- Jujur dan amanah dalam kerja.
- Boleh menerima arahan majikan dari semasa ke semasa.
- Bakat istimewa yang diperlukan : kebolehan menjahit, tataris diri/muka dan boleh menjadi konsultan imej kepada majikan.

### CARA MEMOHON:

Resume lengkap (termasuk nombor telefon dan gambar berukuran passport) hendaklah dihantar ke alamat e-mel berikut [hrrecruitment20.com.my@gmail.com](mailto:hrrecruitment20.com.my@gmail.com) sebelum/pada **16 Ogos 2021**.

## Varian Delta antara punca Hospital Melaka sesak

**Farah Suhaidah Othman**

**PENULARAN** varian Delta di negeri ini mengakibatkan tempoh rawatan pesakit COVID-19 bagi kategori tiga hingga lima di Hospital Melaka (HM) berlanjutan hingga sebulan.

Datuk Rahmad Mariman berkata, keadaan itu menjadi antara faktor Jabatan Kecemasan HM sesak sehingga ada dalam kalangan pesakit terpaksa dirawat di kerusi malas atau kerusi roda.

Katanya, bagi mengatasinya Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) telah menambah katil di wad termasuk di dewan bedah.

"Namun oleh kerana varian baharu kali ini menyebabkan tempoh rawatan itu berpanjangan di hospital.


"Jika dulu seminggu hingga dua minggu (pesakit) sudah boleh keluar hospital, namun sekarang dalam tempoh antara tiga minggu hingga sebulan masih belum tentu keluar," katanya.

Mengulas lanjut katanya, kehadiran pesakit akibat varian itu juga meningkat setiap hari mengakibatkan HM sentiasa sesak dengan pesakit.

"Kita juga telah menghentikan penerimaan pesakit untuk dirawat di Hospital Alor Gajah disebabkan hospital itu didapati tidak sesuai untuk merawat pesakit COVID-19.

"Hospital itu kita hentikan berikutan keadaan pendingin hawa di situ 'centralised' jadi ia tidak sesuai manakala Hospital Jasin masih diteruskan untuk merawat pesakit itu," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan keadaan membimbangkan di Jabatan Kecemasan HM yang sesak sehingga mengakibatkan ramai pesakit terpaksa ditempatkan di kerusi malas dan kerusi roda.



GAMBAR hiasan



### DAK MAT

#### Siapa bakal Naib Canselor UNIMEL baharu?



MELAKA terus berkembang maju dalam bidang pendidikan. Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) telah dinaik taraf ke universiti penuh dan kini dikenali dengan nama Universiti Melaka atau singkatannya UNIMEL.

Rektor KUIM sebelum ini telah bersara wajib. Jasa Prof. Datuk Dr. Taib Dora sebagai Rektor dan Naib Canselor tentunya kekal kekal.

Jawatan yang dikosongkan Dr. Taib tentunya menjadi perhatian ramai khususnya warga Melaka. Seiring dengan Pelan Strategik Melaka Maju Jaya (PSMJ) 2035, pengganti beliau haruslah seorang yang berwawasan jauh untuk memimpin UNIMEL.

Naib Canselor yang bakal dipilih nanti haruslah seorang yang berketrampilan tinggi. Keupayaan memimpin UNIMEL perlu melangkaui kebolehan 'biasa-biasa'. Pengalaman di bidang akademik, pengurusan serta koprotar harus seiring.

Sudah tiba masanya kita beranjak dari suatu norma biasa bagi mencapai sesuatu yang luar biasa.

Universiti Utara Malaysia (UUM) pernah diteraju pegawai yang terlatih dalam bidang pengurusan di awal penubuhannya.

Universiti Malaya (UM) juga pernah mendapat khidmat naib canselor yang berpengalaman dalam bidang pengurusan dan koprotar di awal pengkorporat UM.

Begitu juga Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di awal proses pengangkatan dari institut kepada universiti.

Ia boleh dilaksanakan di UNIMEL. Kepimpinan berdasarkan akademik, pengurusan serta koprotar amat diperlukan bagi membawa UNIMEL setanding IPTA dan IPTS lain.

Namun ianya bidang kuasa kerajaan negeri. Siapa pun yang bakal dilantik, warga Melaka berharap naib canselor baharu mampu mengharumkan nama UNIMEL dan Melaka selepas ini.

**Dak Mat :** menanti siapakah NC UiTM yang baharu.



### Hargai jasa Datuk Soh Chin Ann

**DATUK** Soh Chin Ann adalah antara anak Melaka yang menempa nama di arena sukan antarabangsa. Persatuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA) juga telah mengiktiraf Chin Ann antara pemain hebat di dalam klasifikasi.

Beliau diiktiraf sebagai permain yang mewakili Malaysia di pentas antarabangsa dengan 195 penampilan dalam permainan gred A yang diiktiraf FIFA.

Mengikut FAM pula, Soh Chin Ann atau lebih mesra dengan gelaran 'taukeh' mewakili Malaysia sebanyak 252 kali dari tahun 1969 hingga 1984.

Apa pun, ini satu kejayaan bagi anak Melaka di persada antarabangsa! Sesuatu yang patut dibanggakkan oleh kita semua.

Chin Ann dilahirkan pada 28 Julai 1950 di Alor Gajah, Melaka. Mengikut rekod Wikipedia, 'taukeh' bermain untuk Melaka pada 1969-1970, kemudian rekod 1979 hingga tahun 1988.

Sepanjang karier beliau, 'taukeh' telah dikurniakan bintang kebesaran dari Pahang dan Selangor yang membawa gelaran Datuk. Ini bagi mengenang jasa beliau mengharumkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa.

Berdasarkan pencapaian terkini Chin Ann, mungkin kerajaan negeri Melaka boleh berbuat sesuatu bagi menghargai jasa beliau.

Kejayaan menempatkan nama di dalam 'FIFA Century Club' adalah kejayaan anak Melaka yang luar biasa. Ia setanding kejayaan peringkat olimpik yang menampilkan jagoan sukan dunia.

Moga kejayaan ini memberi inspirasi kepada permain bolasepak tempatan agar lebih komited dan berjuang mencipta kegemilangan.

**Dak Mat :** Masih teringat semangat juang permain England di Euro 2020.

### Awas tawaran watikah atau pingat kebesaran palsu

LICIK dan tamak. Itu pendapat Mat mengenai pembongkaran sindiket cetak dan jual watikah serta pingat kebesaran palsu kerajaan negeri Melaka baru-baru ini.

Sindiket ini buat 'untung atas angin'. Mereka jual 'air liur' saja dengan menipu orang ramai yang 'tamak' nakkan gelaran 'datuk' dan sebagainya dan tak kisah berhabis ratusan ribu ringgit.

'Tok Leman' sendiri bercakap mengenainya pada sidang media minggu lalu.

Bila Tok Leman sendiri bercakap, perkara ini amat penting. Ia berkait soal imej pentadbiran kerajaan negeri yang tercalar dek kegiatan itu.

Kes itu pun sudah dituduh mahkamah, tak perlu Mat hurai panjang.

Mat cuma nak kata, kes seumpamanya berlaku juga di tempat lain, sebab apabila ada penawaran, akan ada permintaan.

Dalam hal ini orang ramai kena sedar, tiada jalan singkat untuk dapat pingat atau bintang kebesaran negeri bagi mengelak ditipu.

Setiap pelantikan atau pengurniaan pingat kebesaran negeri perlu ikut lulus undang-undang dan melalui agensi yang sepatusnya.

Pastikan betul-betul tawaran darjah kebesaran itu datang dari pada pihak kerajaan negeri.

Apapun syabas kepada pihak polis Melaka berjaya siasat dan dakwa pihak terbabit.

**DAK MAT:** Teringat pingat lumba lari sekolah rendah.

# Pembangunan DUN Klebang perlu seiring - Mohamad Ali

**PEMBANGUNAN** kawasan Dewan Undangan negeri (DUN) Klebang perlu bergerak seiring dengan populariti Pantai Klebang demi memastikan lokasi tumpuan pelancong itu terus relevan sebagai destinasi pelancongan utama di negeri ini pada masa depan.

Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Klebang Senator Datuk Seri Mohamad Ali Mohamad berkata, Pantai Klebang sememangnya terkenal dalam kalangan pelancong tempatan dan luar namun popularitinya dikhawatir hanya akan tinggal nama sekiranya kawasan sekelilingnya kurang mendapat perhatian.

Menurutnya, kawasan sekitar Pantai

Klebang terutamanya Dataran 1Malaysia pada masa ini masih terbiar dengan lot-lot kedai yang masih kosong tanpa penyewa.

"Kita dapat lihat sebelum berlaku pandemik, boleh dikatakan hampir setiap hari, setiap minggu, Pantai Klebang pasti menjadi tumpuan orang ramai, sama ada pelancong tempatan maupun dari luar Melaka.

"Namun, kita berharap agar kawasan sekeliling Pantai Klebang seperti Dataran 1Malaysia dapat dibangunkan sebagai pusat perniagaan baharu yang menempatkan pelbagai institusi kewangan, bangunan pentadbiran yang memenuhi keperluan masyarakat setempat," katanya

ketika ditemui Melaka Hari Ini (MHI).

Menurut beliau, selain Dataran 1Malaysia, aktiviti perniagaan Uptown Klebang memang sudah dikenali dan menjadi tumpuan orang ramai dalam kawasan Pantai Klebang namun ia perlu diperbaikkan dari semasa ke semasa sebagai menambah variasi produk pelancongan di kawasan itu.

Ujarnya, setakat ini Uptown Klebang menempatkan 200 peniaga dan bagi merancakkan lagi kegiatan perniagaan di situ, sebuah pusat gerai mengandungi 80 lot kedai akan dibuka bagi memberi peluang kepada peniaga dalam DUN Klebang memulakan perniagaan.

"Kita lihat Pantai Klebang berpotensi sebagai tarikan pelancong untuk datang ke DUN Klebang, oleh itu, variasi pembangunan setempat berhampiran dengannya perlu dilakukan dan untuk itu, saya bercadang untuk memperkenalkan taman tema air di situ pada masa depan," katanya.

Pada masa yang sama, menurut beliau, pihaknya mencadangkan agar diwujudkan pekan kecil dalam DUN Klebang yang menempatkan pusat pendidikan atau perniagaan yang lebih teratur bagi kegunaan penduduk secara keseluruhan.

"Memandangkan dalam DUN Klebang tidak ada satu tempat yang boleh kita istilahkan bandar kecil atau pekan kecil, jadi kita harap nanti dapat diwujudkan pekan kecil dalam DUN Klebang ini yang menempatkan pusat pendidikan dan perniagaan yang selesa."

"Kedudukan Dataran 1Malaysia agak strategik namun malangnya lot kedai sedia ada masih kosong, kita harap lokasi ini dapat dijadikan satu pusat perniagaan baharu sekali gus dapat memenuhi lot-lot

kedai di situ yang masih banyak kosong," katanya,

Sehubungan itu, Mohamad Ali mencadangkan Perbadanan Kerajaan Negeri Melaka (PKNM) atau Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) agar dapat membeli lot-lot kedai sedia ada dan kemudiannya menyewakannya kepada penduduk DUN Klebang yang berminat sekali gus merancakkan kegiatan di kawasan itu pada masa depan.

Selain itu, kata beliau, DUN Klebang layak mendapat jolokan mini Jelapang Padi kerana mempunyai kawasan sawah padi yang luas sekitar 1,200 hektar antaranya di Kampung Pisang dan Pulau Gadong.

Bagi tujuan itu, ujarnya, bagi meningkatkan kemudahan pesawah di kawasan terlibat, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang menaik taraf saliran air bagi membantu pesawah menjalankan kegiatan pertanian sepanjang tahun tanpa menghadapi sebarang kesukaran.



MOHAMAD Ali menunjukkan sebahagian bekalan makanan untuk disumbangkan kepada penduduk DUN Klebang yang terputus bekalan makanan sepanjang pandemik COVID-19.

## Penduduk hargai usaha JAPERUN bantu rakyat

### Norizan Abdul Muhid

**JAWATANKUASA** Pembangunan dan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Klebang membelanjakan hampir RM500,000 bagi membekalkan makanan yang siap dimasak kepada penduduk yang terputus bekalan makanan harian akibat pandemik COVID-19.

Program dikenali sebagai 'Rezeki Lockdown' itu telah membantu 600 keluarga yang terkesan sekali gus memastikan tiada penduduk dalam DUN Klebang terputus bekalan makanan.

Salah seorang penduduk, Mohd Nor Azlan berkata, inisiatif yang diambil JAPERUN Klebang dengan menyediakan bantuan makanan harian kepada penduduk yang terkesan, harus dipuji walaupun usaha tersebut menelan kos perbelanjaan yang agak besar.

Menurutnya, pihak JAPERUN Klebang telah berusaha mempelbagaikan bentuk bantuan yang diberikan kepada masyarakatnya yang memerlukan dan tidak semata-mata menyumbang bantuan kit makanan barang keperluan.

"Usaha yang ditunjukkan JAPERUN Klebang amat terpuji dan bantuan makanan masak yang diberikan ialah pada waktu makan tengah hari dan malam, inisiatif yang ditunjukkan sangat luar biasa.

"Sebagai penduduk DUN Klebang, saya berasa bangga dengan usaha yang diambil oleh pihak JAPERUN dalam membantu masyarakat yang terkesan akibat pandemik ini," katanya.

Katanya, petugas JAPERUN Klebang telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menghulurkan bantuan tenaga kepada masyarakat DUN Klebang yang memerlukan bantuan terutama pada waktu PKP berlangsung.

Sementara itu, Mohd. Noor Abdul Rahman berkata, pada mulanya dia merasakan agak mustahil bantuan Rezeki Lockdown dapat dilaksanakan memandangkan ia melibatkan perbelanjaan yang besar.

"Selalunya kita dengar hanya kit makanan barang keperluan sahaja diagihkan kepada penduduk yang terkesan kerana pandemik ini tetapi JAPERUN Klebang telah melakukan lebih dari itu.

"Bayangkan sepanjang hampir dua tahun, pihak JAPERUN tidak putus-putus memberi bantuan makanan yang

sudah siap dimasak kepada penduduk yang memerlukan, sama ada siang atau malam," katanya.

### INFOGRAFIK KAWASAN DUN KLEBANG

**Jumlah Penduduk**  
**30,339 Orang**

**Kawasan perumahan**  
**JKKK : 14**  
**Taman Perumahan : 17**  
**kawasan industri : 2**

### Rumah Ibadat

**Masjid : 6**  
**Surau : 6**  
**Tokong : 6**  
**Gereja : 1**

**Jumlah Pengundi**  
**20,107 Orang**

**Pendidikan**  
**Sek Rendah : 2**  
**Sek Menengah : 2**  
**Sekolah Jenis**  
**Kebangsaan Tamil : 2**  
**Kolej Komuniti : 1**

**Produk Pelancongan : 3**  
**Inap Desa : 50**

### BIODATA PENYELARAS DUN KLEBANG

**Nama :** Senator Datuk Seri Mohamad Ali Mohamad



**Tarikh Lahir:** 15/03/1964

**Isteri :** Datin Seri Rosefouziah Saleh

**Anak :** Nur Iznni Mohamad Izuddin  
Nur Izzati Nur Izzyani  
Nur Izzi Mohamad Hafizzuddin

**Pendidikan Awal :** Sekolah Kebangsaan (SK) Klebang Besar, SK Bertam Hulu  
Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tun Haji Abdul Malik  
SMK Munshi Abdullah  
Institut Bahasa Kuala Lumpur

### Penglibatan NGO :

- Penggerusi Gerakan UMMAH Melaka 2018- sekarang
- Penggerusi PIBG SK Klebang Besar
- Penggerusi PIBG Sekolah Rendah Agama Batang Tiga Timur
- Penggerusi PIBG SMK Klebang Besar
- Penggerusi PIBG SMK Kg Gelam

**Sukan :** Penggerusi Equine Melaka 2014- sekarang

### MELAKA HARI INI

**NO.TEL :** 06 - 251 9314,  
06 - 251 9315  
**FAX :** 06 - 251 9316

**PENGARANG KANAN**  
**MUHD RIZANIZAM**  
**ABDUL HAMID**  
mrizanizam@gmail.com

**PENGARANG**  
**MOHD HAMZATUL**  
**AKMAR AKMAR**  
yondaine87@melakaharlini.my

**PENGARANG DIGITAL**  
**MEOR RIDUWAN**  
meor76@riduwani@gmail.com

**JURUFOTO KANAN**  
**AZREN JAMALUDIN**  
mazren86@gmail.com

**PEGAWAI**  
**TEKNOLOGI MAKLUMAT**  
**AHMAD ZUHAIR**  
**UMARAH SAMSER**  
zuhair@melakaharlini.my

### WARTAWAN

**LIANA SAHABUDIN**  
liyan90@melakaharlini.my

**MOHD FAZRUL**  
**ABDUL MAJID**  
faizrul@melakaharlini.my

**MOHD FAIZ ABU HASAN**  
faizhasan@melakaharlini.my

**FARAH SUHAIDAH**  
**OTHMAN**  
farahothman@melakaharlini.my

### REKABENTUK & GRAFIK

**AMBRAN MOHAMED**  
ambran@melakaharlini.my

**MIMIE AZURA**  
**ABU BAKAR**  
mimieazura1981@melakaharlini.my

**ZUL RAHIMI RAMLI**  
mk7.zul@melakaharlini.my

### PEMASARAN

**PENGURUS**  
**MUHAMMAD HAMZI**  
**ROSMANI**  
amz@melakaharlini.my  
018 - 329 9936

**EKSEKUTIF PEMASARAN & PENGILAKAN**  
**NAQUIB TAJUDIN**  
naqib@melakaharlini.my

### UNIT MEDIA SOSIAL

**EKSEKUTIF**  
**IZAIDA RAIHANAH IDRIS**  
izraihanah3@gmail.com

**SHARIFAH NORKHADILAH**  
**SYED KHAIIDIR**  
khaldiah@melakaharlini.my

### MELAKA TV

**KETUA**  
**ASHALIA YUSOF**  
ashalayusof@melakaharlini.my

**WARTAWAN PENYARIAN**  
**MOHAMAD FARIS HAikal**  
farishakal.zakaria@melakaharlini.my

**PENYUNTING VIDEO**  
**RABIAH OSMAN**  
osmanrabiah@melakaharlini.my

**JURUKAMERA**  
**ISMAIL IBRAHIM**  
dakmail92@melakaharlini.my

**AUFA IZZATI**  
**AHMAD ZAILANI**  
auflazzat198@melakaharlini.my

**AMIRUL RAMLI**  
amirul@melakaharlini.my



# MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

## Hijrah dan kemuliaan bulan Muharam

Erwin Abu Hasan  
erwin@maim.gov.my

TAHUN baharu hijrah perlu mencapai matlamat sebenar, tepat dan selari dengan kehendak Islam, apatah lagi dalam konteks hari ini, masih ramai yang tidak menyedari falsafah di sebalik peristiwa agung itu.

Ia bukan sekadar memperingati peristiwa hijrah Nabi Muhammad SAW dan sahabat dari Makkah ke Madinah, sebaliknya membawaikan hikmah cukup besar apabila kaum Muhibirin dan Ansar dipersaudarakan, manakala Islam mula berkembang dan tersebar ke seluruh pelosok dunia.

Susulan peristiwa hijrah itu juga menyaksikan takwim Islam mula diperkenalkan, sekali gus ketetapan itu penanda aras kepada kehidupan Islam sebenar, iaitu pemisahan antara hak dengan batil.

Malah, keistimewaan Muharam perlu diketahui kerana ia diangkat sebagai bulan pertama dalam kalender hijrah dan dikenali sebagai bulan Allah atau 'syahrul-lah.'

Hijrah ini sebenarnya perkara penting kerana ia bukan sekadar perpindahan Rasulullah SAW dan sahabat ke Madinah, kerana im-paknya mewujudkan surah Makkiyah dan Madaniyah dalam al-Quran

Muharam juga istimewa kerana dimuliakan sebagai bulan Allah SWT apabila makhluk atau

perkara itu dinisbahkan kepada-Nya, maka ia menunjukkan kemuliaan.

Nama Muharam juga dinisbahkan dalam syariat Islam sendiri, manakala orang Arab Jahiliah mengenalinya sebagai Safar Awal.

Justeru, antara amalan sunnah yang digalakkan sepanjang bulan ini adalah dengan melaksanakan puasa sunat sebagaimana Nabi Muhammad SAW berkata, bulan yang paling baik untuk berpuasa selepas Ramadan ialah puasa pada Muharam.

10 Muharram juga merupakan satu tarikh sangat penting dan dimuliakan Rasulullah SAW hingga disunatkan untuk berpuasa, iaitu dipanggil al-Asyura.

Bagaimanapun, dalam mazhab Shafie, ulama menyatakan sunat untuk kita berpuasa pada 9,10 dan 11 Muharam dan antara fadilat terbesar puasa pada 10 Muharam yang tidak sepatutnya dia-baikan adalah diampunkan dosa seorang hamba itu bagi tempoh setahun yang lalu.

Dan yang terpenting, lembaran hijrah ini sentiasa dihidupkan dengan meletakkan matlamat memelihara dan menegakkan agama Allah SWT.

Abu Qirsah RA meriwayatkan Nabi Muhammad SAW bersabda: "Wahai manusia, berhijrahlah dan berpegang teguhlah dengan Islam. Ini adalah kerana selama jihad kekal, selama itulah hijrah (keluar di jalan Allah SWT) akan berkekalan." (HR Tabrani).



### LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809  
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415  
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | [www.maim.gov.my](http://www.maim.gov.my)

Email | [admin@maim.gov.my](mailto:admin@maim.gov.my)

Youtube | [majlis agama islam melaka](#)

Facebook | [facebook/maimmelaka](#)



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni



**KEPRIHATINAN** Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) melalui Bilik Gerakan Covid-19 Agensi Agama Islam di negeri ini telah menyerahkan sejumlah 550 sumbangan kit perubatan dan kesihatan kepada penghuni Pusat Kuarantine dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh. Program serahan ini merupakan julung kalinya dilaksanakan oleh MAIM dan akan di salurkan ke pusat berkenaan pada setiap bulan bermula Ogos hingga Disember ini. Kit berkenaan mengandungi barang kesihatan antaranya losyen sanitasi tangan, pelitup muka dan pil vitamin C.



BILIK Gerakan Covid-19 Agensi Agama Islam Melaka menyampaikan 600 kit makanan nasi ayam kepada beberapa institusi pengajian tinggi awam dan swasta sekitar negeri ini. Program ini juga merupakan kerjasama antara Bahagian Pengurusan Masjid Dan Madrasah JAIM bersama QSR Brand dan Seksyen Pembangunan Insan MAIM.

# Peringatan Allah SWT terhadap HambaNya



Datuk Hj. Ibrahim Bin Fadzil  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
Zakat Melaka,  
Majlis Agama  
Islam Melaka.

**RAMAI** yang hilang punca pendapatan, hilang pekerjaan, gaji dibayar separuh, eluan dipotong dan sebagainya disebabkan ekonomi negara yang tidak stabil. Golongan yang asalnya kategori M40 menjadi golongan B40 dan dibawah paras kemiskinan kerana penularan pandemik ini sejak berlakunya pada tahun yang lalu.

Meskipun begitu, lumrah kehidupan di dunia ini adanya golongan kaya dan golongan miskin. Golongan kaya bertanggungjawab atau berperanan terhadap kekurangan yang dimiliki golongan miskin melalui pemberian zakat, sedekah, bantuan kewangan, pembentukan moral dan sosial. Pemberian bantuan oleh golongan kaya kepada golongan miskin, ianya haruslah diketahui bahawa itu adalah hak orang miskin yang telah diwajibkan oleh Allah SWT. Sepertimana dalam Surah Al-Ma'arij ayat 24-25, yang bermaksud: "Dan orang-orang yang dalam hartanya tersedia bahagian tertentu. Bagi orang miskin yang meminta dan orang yang tidak mempunyai apa-apa yang tidak mahu meminta."

Oleh itu, menuaikan ibadah zakat adalah sebagai pembersih kepada orang yang berkemampuan terhadap hartanya dan terhindar dari sifat kebakilan dan ketamakan. Manakala ibadah zakat ini juga sebagai alat pembersih kepada golongan yang kurang berkemampuan dan terhindar dari sifat dengki serta rasa

" Ibadah zakat adalah sebagai pembersih kepada orang yang berkemampuan terhadap hartanya dan terhindar dari sifat kebakilan dan ketamakan. Manakala ibadah zakat ini juga sebagai alat pembersih kepada golongan yang kurang berkemampuan dan terhindar dari sifat dengki serta rasa cemburu. "

cemburu. Sebagaimana dalam firman Allah SWT di dalam Surah Ali-Imran ayat 180, yang bermaksud: "Dan jangan sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah SWT kepada mereka dari kurniaan-Nya, menyangka bahawa kebakilan itu baik bagi mereka. Sebenarnya kebakilan itu adalah buruk bagi mereka. Harta yang mereka bakhikan itu akan dikalungkan kelak di lehernya di Hari Kiamat. Dan kepunyaan Allah SWT segala warisan yang ada di langit dan di bumi. Dan Allah SWT mengetahui apa yang kamu kerjakan."

Ibadah zakat yang kita tunai adalah merupakan taruhan dan jaminan kepada kita demi mendapatkan keberkatan abadi daripada Allah SWT. Sebagaimana janji-Nya di dalam Al-Quran. Allah SWT berfirman di dalam Surah Al-A'raf ayat 96, yang bermaksud: "Jikalau sekiranya penduduk negeri-negeri beriman dan bertakwa, pastilah kami limpahkan kepada mereka keberkatan daripada langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (ayat-ayat kami) itu, maka kami seksa mereka disebabkan perbuatannya."

Antara punca utama yang menyebabkan terdapatnya individu yang tidak mau

menunaikan zakat ini adalah akibat terlalainya dengan kemewahan yang dikecapi oleh seseorang individu itu. Sebagaimana dalam firman Allah SWT di dalam Surah Al-Munafiqun ayat 9, yang bermaksud: "Hai orang-orang beriman, janganlah hartamu dan anak-anakmu

melalaikan kamu dari mengingat Allah S.W.T. Barangsiapa yang berbuat demikian maka mereka itulah orang-orang yang rugi."

Sesungguhnya dalam Al-Quran telah banyak memberi peringatan kepada orang yang enggan menuaikan ibadah zakat. Bagi mereka yang mengabaikan kewajipan menuaikan zakat sedangkan ianya mampu dan telah memenuhi syarat-syarat wajib berzakat, maka seseorang itu telah melakukan dosa besar dan dijanjikan dengan balasan seksaan yang amat pedih lagi menyakitkan. Oleh yang demikian, sesiapa yang mensia-siakan ibadah zakat ini, mereka tidak akan memperolehi ganjaran yang telah dijanjikan oleh Allah SWT.

Sebarang pertanyaan dan pembayaran zakat bolehlah layari [www.izakat.com](http://www.izakat.com) atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.

## i-JanjiTemuZM

Kini anda boleh berurusan di kaunter  
Zakat Melaka melalui janji temu

### SENARAI PERKHIDMATAN

- ✓ Pengiraan & Bayaran Zakat
- ✓ Permohonan Potongan Gaji Baharu & Tambahan
- ✓ Zakat Perniagaan (Ibu Pejabat sahaja)



<http://www.izakat.com/janjetemu>

Imbas Kod QR

Tempahan JanjiTemu Online

Hubungi di talian :

06 - 281 2441 / 42/43      011 - 5858 3900

[Zakat Melaka](https://www.facebook.com/zakat.melaka) [zakat.melaka](https://www.instagram.com/zakat.melaka/) [www.izakat.com](http://www.izakat.com)



Hanya 2.5%

"Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi"

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: [www.izakat.com](http://www.izakat.com)





PEJABAT MUFTI NEGERI MELAKA



MUFTI Negeri, Datuk Wira Abdul Halim Tawil dan Timbalan Mufti, Hazarudin Baharudin menyerahkan surat kebenaran solat Jumaat kepada beberapa surau sepanjang Tempoh Kawalan Pergerakan (PKP) di negeri ini. Kebenaran berkenaan memberi ruang kepada lebih ramai masyarakat Islam di negeri ini untuk menuaikkan solat Jumaat.

## APA ITU MANHAJ RABBANI?

### Konsep Rabbani

- Sebarang perbuatan atau pertimbangan seseorang individu dengan menjadikan Allah SWT sebagai pedoman dan sumber petunjuk utama di dalam kehidupan sehari-hari.
- Meletakkan matlamat dan objektif kehidupan seseorang untuk mendapatkan keredaanNya semata-mata, di samping segala kaedah dan sumber rujukan berdasarkan wahyu (Al-Qardawy, 1997).

### Manhaj Rabbani

Cara atau jalan untuk menjadikan ummah meletakkan Allah SWT sebagai keutamaan dan panduan dalam segala amalan, perbuatan dan matlamat hidup serta diniatkan semata-mata keranaNya.



### 7 Prinsip Utama Dasar Manhaj Rabbani

Pentadbiran yang membawa mesej kasih sayang, kesusilaan dan kecaknaan.

Pentadbiran yang membawa mesej kesederhanaan atau wasatiyyah Islam, menolak ekstremisme (ifrat) dan Islam liberal (tafrif), serta menyeru kepada keharmonian antara agama dan fiqh ta'ayush (co-existence).

Pentadbiran yang menjadikan nilai agama berteraskan Maqasid Syariah, sebagai paksi dalam merancang segala dasar, kaedah pelaksanaan dan penyelesaian masalah.


Pentadbiran yang menekankan kebajikan, kemanusiaan dan bakti kepada ummah.

Pentadbiran yang menjunjung tinggi prinsip perundungan dalam menegakkan keadilan sebagaimana yang dituntut oleh Islam dan Perlengkapan Persekutuan.

Pentadbiran yang mengangkat nilai kerohanian dan logik bertunjangkan wahyu dalam mendepani apa jua cabaran semasa.

Pentadbiran yang mempertahankan fitrah kemanusiaan dan kemuliaan insan (karamah insaniyyah).

TINJAU...Timbalan Pengurus MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud mengadakan lawatan kerja ke Tanah Perkuburan Islam Bidadari Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), Ayer Keroh bagi menilai keadaan tanah perkuburan berkenaan yang akan diletakkan sebagai tanah perkuburan Islam berpusat bagi jenazah mangsa Covid-19 negeri ini. Hadir sama Mufti Negeri, Datuk Wira Abdul Halim Tawil dan Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim.



"Apabila matinya anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu **sedekah jariah**, ilmu yang bermanfaat atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya"

-Hadith Riwayat Muslim



Seksyen Wakaf MAIM  
Majlis Agama Islam Melaka, Pusat Islam Melaka,  
Bukit Palah, 75400 Melaka

06-283 7416  
06-284 9809



+6013 352 0688  
+6013 618 0688  
+6013 533 5688

[www.countryvillasresort.com.my](http://www.countryvillasresort.com.my)



## SUPER SMART SEMI DEES

Land size : 50' x 80' / Built up : 3700 Sqft

### Country Villas Resort Phase 5 St. Andrews Series


50' x 80' Super Smart Semi D caters to upgraders in Malacca who's looking for guarded community, bigger land size & built-up with featured design concepts at very reasonable price.

#### HOUSE FEATURES

4 + 1 Bedrooms Smart Home

6 Bathrooms Long Bath with Cold/Hot Water

3-Car Garage Samsung Smart Lock



GPS : 2.272598, 102.336942



\*No. Lesen Permaian Perumahan: 12308-6/02/2022/0184(L) \*Tempoh Saj: 27/02/2020 hingga 26/02/2022  
\*No. Permit Ikan Jualan: 12308-6/02/2022/0184(P) \*Tempoh Saj: 27/02/2020 hingga 26/02/2022  
\*Ketulusan Pelan Bangunan: MPHT(J)KB/03504/04/2018  
\*Tarikh Tamat Pajakara: 26 November 2118  
\*Pegangani Tarafah: 99 Tahun  
\*Bebanan Tanah: Tiada  
\*Bilangan unit: 66 unit  
\*Jenis: Rumah Berkembang 2 Tingkat (58 unit) Harga (Min.): RM 905,000.00 Harga (Maks.): RM 1,131,000.00 Harga (Maks.): RM 1,390,000.00\*  
\*Syarat-syarat Nyata: Tanah ini hendaklah digunakan untuk mendirikan rumah kediaman sahaja \*Sekatan-sekatan keperingatan: Kod B: Tiada  
\*Sekatan-sekatan keperingatan: Kod B: Tiada

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA



WWW.KIBGIM.COM SCAN HERE

# SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK  
MENJAWAB SPM  
SUBJEK: BAHASA INGGERIS

JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &  
MINGINSPIRASI  
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

SUBJEK : BAHASA INGGERIS

PAPER 2 (119/2) – WRITING

Time Allocation : 1 Hour 30 Minutes

Total Marks : 60 Marks

PART 1

PART 2

PART 3

- SHORT COMMUNICATIVE MESSAGE • 1 Question • 20 Marks
- GUIDED WRITING • 1 Question • 20 Marks
- EXTENDED WRITING • 3 Questions • (Answer only ONE) • 20 Marks

#### Overview of Writing Test Tasks

Parts 1 and 2 are compulsory and there is no choice of question. In part 3, candidates have a choice and there are three different tasks to choose from.

#### Part 1 (Compulsory task)

(A2 Level)

- Candidates have to write an email to a friend in about 80 words

#### Part 2 (Compulsory task)

(B1 Level)

- Candidates have to write an essay in about 150 words

#### Part 3 (Candidates have a choice of task)

(B2 Level)

- This part has three questions or tasks to choose from.

- The tasks types may include an article, a review, a report or a story and candidates have to choose one. They have to write about 250 words.

#### Guided Writing

1 question

20 marks

A compulsory question to write about an essay (longer text)

A compulsory question to write based on a text stimulus

Require length: between 125 - 150 words.

In part 2, candidates are tested on their ability to:

- Explain **advantages** and **disadvantages** of ideas, plans or arrangements
- Explain the **main points for** or **against** an idea or arguments
- Express and respond to real or imagined opinions & feelings
- Punctuate and spell written work on range of text types with **reasonable accuracy**
- Use **formal** and **informal** register appropriate to the target audience.

#### TIPS AND TECHNIQUES

Read the question.

Elaborate on the points.

Use suitable expressions and vocabulary for the target audience.

Plan and organise the structure of the essay.

Use all the points given.

Use suitable connectors - to link the ideas

Each paragraph must have one main idea.

There must be a topic sentence supported by relevant supporting details.

Check spelling and punctuation.

#### Model Question

You must answer this question. Write your answer in 125 – 150 words in an appropriate style.

Your class has been discussing about birthday gifts and your teacher has asked you to write an essay about buying a suitable birthday gift for a loved one.

In your essay, you should write about:

- what you should buy and who you would buy it for
- reasons for your choice
- where you would go to buy it

Write your essay using all the notes and giving reasons for your point of view

#### Analyze the stimulus/ requirement:

Your class has been discussing about birthday gifts and your teacher has asked you to write an essay about buying a suitable birthday gift for a loved one.

In your essay, you should write about:

- what you should buy and who you would buy it for
- reasons for your choice
- where you would go to buy it
- where you would go to buy it - Shopping Centre

The tasks

#### Create your answer.

My mother will be celebrating her birthday soon. I have been thinking about what to get her and I have finally made my decision. I will get her a branded wristwatch.

Although a wristwatch would be costly, I do not mind buying it as my mother deserves it. She has sacrificed a lot for me and so it is the time I did something nice for her. A branded wristwatch would last long and would look elegant. She had just lost her watch so this is the perfect time for me to buy it for her.

At first I wanted to buy the wristwatch from an online shop. I later found out that a shop in my neighborhood shopping centre was having a sale on wristwatch. I decided to buy there instead. Apart from selling at a cheaper price, they also have a one year warranty for the watch.

I hope my mother loves her birthday gift.



- Be polite.
- Use casual and friendly tone.
- Use some cohesive devices and connectors.
- Use appropriate phrasal verbs and expressions.
- Check your grammar.

#### EXERCISE

You must answer this question. Write your answer in 125 – 150 words in an appropriate style.

Your class has been discussing about holiday destinations and your teacher has asked you to write an essay about a holiday destination that you like to go.

In your essay, you should write about :

- where you would like to go
- reasons for your choice
- how long you plan to stay there

Write your essay using all the notes and giving reasons for your point of view

#### Suggested Answer:

The holidays are coming are coming and I would like to go for a trip with my family. My dream destination would be Sabah, the land below the wind.

One of the main reasons I would like to visit Sabah is because it is home to Mount Kinabalu. I really would like to see it at least once in my lifetime. It will take two days to hike up the mountain and along the way my family and I will be able to enjoy seeing the flora and fauna. I'm sure the view at the top is breathtaking. We could also spend a few days at any of the islands at Tunku Abdul Rahman Marine Park. We could go snorkeling, diving and ziplining. The Kota Kinabalu town has its own attractions. We could visit the Gaya Street morning market. I heard that we could get all sort of things there such as pearls, local cakes, snacks and others.

My family and I could stay in Sabah for a week. I'm sure we would have a wonderful time there.



**PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican**

THE merging of the *rantau* with new technologies have forged the sense of Minangness to her *perantau*s. Osian Husein and Elly Kasim, Minangkabau singers in the 1950s; and verbals art forms like *pido adat* and *pasambah* are within reach through the reproduction of sounds (and images) through the various social media Internet platforms.

Before digitization, it was the mechanical media - oral and aurality. The mediation and remediation of culture demonstrate the ongoing adaptation of cultures to media technologies. One such study was done by fellow academic, media and cultural studies scholar, Dr. Suryadi.

His book *Audible Locality: The Recording Industry in Indonesia and its Approach to Minangkabau Music and Oral Tradition* published in 2020 is a rare contribution to the scholarship on what I call Malay Media Studies. Suryadi (he goes by one name), who teaches at the Department of South and Southeast Studies, Leiden Institute for Area Studies at Leiden University in the Netherlands, explores the use, consumption and effects of the recording media in the West Sumat-

## A Sense of Minangness: *Pop Minang and the Rantau*

ran Minangkabau context. He sees the Minangkabau recording industry as an agency for ethnic expression in the modern world.

Minangkabau commercial cassettes and VCD's chronicle the Minangkabau past and contemporary cultural dynamics in the engagement with the outside world. His work does not simply examine the effects of media. Instead he argues that regional recording industries, have greatly increased the (re)production of local cultural sounds since the early twentieth century. Recording technology moulded traits and existence of ethnicities in the Minangkabau world.

The focus on the Minangkabau recording industry delved into the structure and socio-cultural landscape. The mechanical reproduction business had successfully generated and converted the cultural and social capital of Minangkabau ethnicity. The emergence of the West Sumatran recording industry in the 1970s has produced recordings of Minangkabau music genres, popular as well as traditional ones. In recent years, its products have shown significant diversification in terms of genre and musical

**// POP Minang informs us of contested cultural space, struggle, consent and resistance. It is a collusion and a collision with modernity. //**

style, and recordings has also greatly increased.

Suryadi categorises the products of the Minangkabau recording industry into three types. First is the Minangkabau pop music – called *pop Minang*, the focus of this essay. Second, traditional genres associated with Minangkabau oral literature or traditional verbal arts. Third, how the genres shaped by the use of recording technology itself, depends on the media for their existence. These are called media-bound genres.

Those who have toured the Minangkabau heartlands before would encounter *pop Minang* the moment their tour bus moves out of Bandara Minangkabau - one of two airports in the world named after an ethnic group. In a way, *pop Minang* relays the Minangness of Minangkabau from there up to the heartlands in Bukit tinggi some two to three hours later, depending on traffic con-

ditions among others.

*Pop Minang* informs us of contested cultural space, struggle, consent and resistance. It is a collusion and a collision with modernity. Publicly accessible and widely disseminated, *pop Minang* cassettes and VCDs increase its agency by presenting powerful Minangkabau encodings of the complexities faced in modern society. *Pop Minang* has been described as "the sound of longing for home."

Born in Pariaman, now West Sumatra in 1965, and a familiar face in Malaysian academic circles and the Minangkabau *perantau*s here, Suryadi has been following the aesthetics of *pop Minang* from the 1950's up to 2006, and the Minangkabau community responses through local media and other platforms. Among other things, he examines the influences that has shaped *pop Minang*.

In the Indonesian music landscape, *pop Minang* is categorized as *pop daerah* (regional pop), while *pop daerah* in turn, is classified as a type of regional music (*musik daerah*), a catch-all phrase that includes every type of music sung in regional languages, from the most "westernized pop to the most indigenous performance tradition." *Pop Minang* did not originate in the heartlands. It appeared from the *rantau*, especially in Jakarta by Minangkabau *perantau*s. According to Suryadi, it was associated with the Orkes Gumarang, founded in 1953 in Jakarta.

It came out from a distinctly Minangkabau-speaking community. *Pop Minang* is a mixture of traditional Minangkabau music, or verbal arts, to national or foreign musical influences. The lyrics are by definition in the Minangkabau language. Nevertheless its aesthetics, including syntax, rhythm, melody, tempo and formal structure differ from Minangkabau music genres. Another difference are the composers. Those of *pop Minang* songs are certainly known. Composers of traditional genres are anonymous.

The recording industry also has implications on language. It is Minangkabau dialects versus *Bahasa*

*Minangkabau Umum* (General Minangkabau). The latter is used for communication among speakers across dialects in major Minangkabau towns such as Padang and Bukit tinggi. The *rantau* becomes a place for innovation and improvisation. This was what happened to the Orkes. They transcended the issue of dialect and genre.

In Gumarang, Suryadi identifies the synthesis between Latin American with Minangkabau music. Strongly influenced by rumba, mambo and cha-cha-cha, Gumarang's music was the Minangkabau *lagu Melayu* – using the maracas, piano, guitar, bass with idiophones *talempong*, aerophones *saluang* and *bansi*, chordophones *rabab*, and membranophones *gandang*. The *rantau* was a good place to experiment.

The name Gumarang was drawn from the Minangkabau oral story, (*kaba*) *Cindua Mato*. The Orkes is credited in introducing Minangkabau songs throughout Indonesia and Malaysia. Some of us grew up in the 1960s with *Kampuang Nan Djauh di Mato* (translated by Suryadi as "My distant Village") by Orkes Gumarang. Listen to it again. Produced by Irama Record, it hit the Malayan/Malaysian airwaves entering the hearths and homes in the Peninsula.

And in 1958, Gumarang's female singer Nurseha shot to fame with the release of the unforgettable *Ayam den Lapeh* (literally by Suryadi "My hen has run away"). Echoes of Minangness do not stop at national borders.

### NEXT WEEK:

**Budi in the Rumah Melayu**

\*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.



**DR. Suryadi** sees the Minangkabau recording industry as an agency for ethnic expression in the modern world.

PHOTO Credit Berita Harian portal

# Peniaga kraftangan kini jual gajus, emping jagung

Liana Sahabudin

**BANDA HILIR** - "Pada awalnya bolehlah saya gunakan wang simpanan, tapi PKP ni dah makan tahun jadi wang yang ada pun dah 'kering' sampai ada barang yang terpaksa diadakan."

Itu luahan seorang peniaga di Medan Samudera, Effendy Rosli, 40, yang berhadapan situasi getir mencari rezeki demi kelangsungan hidup.

Katanya, berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), dia terpaksa mencari alternatif lain dengan menjual barang makanan untuk menampung hidup.

"Saya memang ada kedai kraftangan Tams Collections ni sejak 2004, namun terpaksa beralih perniagaan apabila tidak dapat lagi beroperasi.

"Kedai kraftangan ini memang pendapatan saya sepenuhnya, tapi nak harapkan jual kraftangan waktu ni siapa yang mahu beli sebab itu saya tukar kepada jualan gajus dan emping jagung.

"Alhamdulillah setiap hari ada empat ke lima balang gajus dan emping jagung yang terjual dan di-poskan.

PRODUK makanan gajus dan emping jagung yang dijual Effendy.



"Saya tinggal bersama kakak dan emak, rumah perlu bayar sewa sebab itu gagahkan diri cari rezeki.

"Masa awal-awal berniaga pun ada saudara bantu bagi modal RM500 untuk beli barang niaga sikit-sikit, alhamdulillah dalam sebulan lebih berniaga nampak respon positif," katanya yang menetap di Padang Temu, dekat sini.

Terdahulu, Melaka Hari Ini (MHI) melakukan tinjauan di Medan Samudera dan mendapati kawasan itu sunyi serta suram selain dipenuhi kain kanvas yang menutupi kedai-kedai yang sudah tidak beroperasi lagi.

Kira-kira 100 peniaga di kawasan itu terpaksa menanggung kerugian apabila perniagaan mereka tidak boleh beroperasi sepanjang PKP kerana hampir 100 peratus jualan bergantung kepada pelancong.



MEDAN Samudera yang dahulunya dikenali sebagai lokasi membeli cenderamata tumpuan pelancong kini sunyi dan sepi.

"Setiap satu bekas RM24 (400 gram), setakat ini jualan saya dah sampai ke Sabah, Penang, Kelantan, Terengganu dan lain-lain negeri," katanya.

Ditanya mengenai kerugian sepanjang PKP, Effendy masih mempunyai hutang yang belum dilangsangkan

dengan pihak pembekal.

"Barang kraftangan yang belum dijual di kedai masih banyak, jumlah keseluruhan dalam RM10,000 dan terpaksa simpan sahaja sehingga kedai boleh dibuka semula.

"Saya ada juga jumpa dengan pembekal sebab masih ada barang

belum dibayar, tapi alhamdulillah dia faham dan tunggu kedai boleh operasi semula baru bayar," katanya ketika dihubungi MHI.

Effendy berkata, biarpun tidak dapat meneruskan operasi kedai seperti biasa, namun itu bukan halangan untuknya terus mencari rezeki.

**IKLANEKA**



PILIHAN RUANG  
**PENGIKLANAN**  
YANG BIJAK!

Hubungi :

06 251 9315 / 018 329 9936



Serendah  
**RM50**  
Sahaja!!



**AUTOMOTIF**

Kereta  
Motosikal  
Trak  
Bas  
Lori



**HARTANAH**

Perumahan  
Rumah Kedai  
Lot Tanah



**KERJAYA**

Sepenuh masa  
Separuh masa  
Latihan  
Skim Graduan



**KLASIFIKASI AM**

Perkhidmatan  
Kecantikan  
Kesihatan  
Perabot



**NOTIS**

Lelongan  
Guaman  
Kewangan  
Tender  
Notis Am

[www.melakahariini.my](http://www.melakahariini.my)



Melaka Hari Ini



DR. SHANKAR GUNARASA

**PANTAI**  
**HOSPITAL**  
Ayer Keroh

ANDA mungkin terlah terdengar atau terlihat kepada kawan anda atau kelurga anda sendiri bila procedur kolostomi di buat ke atas mereka. Tidakkah anda tertanya tanya kenapa kolostomi atau usus stoma di lakukan? Memang sesuatu yang tidak di senangi oleh pesakit dari segi psikologi bila cara pembuangan najis bukan lagi dari dubur tetapi dari stoma di abdomen.

Apakah itu sebenarnya? Kenapakah stoma di lakukan untuk seseorang pesakit? Kolostomi adalah operasi yang dilakukan untuk mengatasi berbagai jenis penyakit usus besar. Ini berlaku bila najis susah di keluarkan dari usus besar di sebabkan oleh pe-

# Kolostomi atau stoma usus : Apakah anda perlu tahu ?

nyakit usus besar ini, termasuk

- Penyakit usus IBD seperti Crohns atau Ulcerative Colitis
- Barah kolorektal terutamanya barah rektum
- Radang usus yang menyebabkan kebocoran seperti diverticulitis
- Kebocoran usus dari pelbagai sebab seperti "blunt trauma" atau 'penetrating trauma'

Kolostomi ini bersifat sementara atau permanent (kekal seumur hidup) dan untuk kolostomi sementara, pakar bedah akan menentukan bila masa yang sesuai untuk kolostomi itu di tutup. Kebanyakannya akan di tutup dalam jangka masa 6 bulan, itu pun tertakluk kepada keadaan kesihatan pesakit. Stoma terdapat dua jenis iaitu kolostomi dan ileostomi. Jika kolostomi dibentuk pada bahagian usus besar dan dibawa keluar hingga kebahagian perut (abdomen), ilostomi pula dibentuk pada bahagian usus kecil. Pesakit yang mempunyai kolostomi perlu mengubah pemikiran mereka dan membuang rasa

malu atau takut untuk membuat pembedaan stoma. Pesakit stoma boleh menjalani kehidupan seperti biasa walaupun terpaksa bersama beg stoma sepanjang masa kerana pesakit yang telah menjalani penbedahan boleh makan pelbagai makanan seperti sebelum penbedahan dan tiada sebarang pantang larang dalam pemakanan kecuali bagi yang mengalami penyakit seperti masalah jantung, kencing manis atau darah tinggi kerana mereka perlu mengikut nasihat pemakanan daripada pakar nutrisi.

Stoma sepatutnya berwarna merah atau merah jambu. Tisu yang membuat stoma adalah lapisan usus, dan harus lembab dan berkilat. Ia sangat serupa dengan penampilan di dalam mulut anda. Kulit yang paling dekat dengan stoma akan di jahit dengan lapisan usus stoma semasa prosedur penbedahan. Kulit tersebut akan terjengkel tetapi ia akan menjadi normal.

Tanda tanda masalah stoma adalah seperti berikut: Stoma tidak lagi merah atau merah jambu, tetapi kelihatan pucat.

- Stoma tidak lagi lembab dalam penampilan, atau kelihatan kering.
- Stoma anda sangat gelap, dan kelihatan warna merah tua, ungu atau hitam.
- Lapisan mucosa stoma berulcer atau bernanah
- Stoma kelihatan seolah-olah "dicekik" oleh perkakas.
- Anda merasa sakit dari stoma.

Stoma anda kelihatan menarik diri ke dalam perut anda atau berkembang di luar abdomen anda.

Kulit di sekeliling stoma kelihatan dijangkiti dan / atau merah atau kemarahan dalam penampilan.

Sakit kulit, mempunyai sensasi yang membakar atau perubahan warna.





Kulit anda mengalami luka atau kerosakan di sekeliling stoma atau di mana perkakas terletak.

Yang paling mustahak adalah penjagaan stoma. Peralatan khas untuk mengumpul najis dan tapak stoma dan cara pemasangan yang betul perlu di pelajari oleh pesakit dan juga keluarga. Bag stoma perlu di cuci selalu untuk mengelakkan berbau. Di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka, saya mempunyai jururawat yang bertauliah untuk mengajar pesakit tentang penjagaan kolostomi yang betul.

Yang paling utama ialah pesakit boleh menjalani kehidupan yang biasa seperti berriadah dan menjalani aktiviti bersukan. Janganlah malu atau beranggapan negatif tentang stoma.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan kolostomi dan penjagaan kolostomi anda boleh berhubung dengan saya, Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131



# Bukan 'kaleng-kaleng' jadi Zookeeper



Fiqah Jamal  
Foto: MR Azli

**PERNAH** menjadi bidan menyambut kelahiran 10 ekor anak Orang Utan, antara pengalaman manis yang tidak dapat dilupakan buat penjaga zoo, Azman Ghazali, 63.

Wira tidak didendang kali ini membawaikan kisah di sebalik penjaga zoo yang sudah berkhidmat lebih dari 40 tahun pengalaman mengurus haiwan di pelbagai jenis zoo di dunia.

#### PERANAN ZOOKEEPER

Zookeeper atau Penjaga haiwan di zoo adalah tulang belakang bagi mana-mana organisasi zoo. Mereka bertanggungjawab dalam menjaga kebajikan hidupan liar di bawah pengawasan mereka.

Termasuk tugas-tugas yang lazim seperti menyediakan makanan haiwan, membantu dalam prosedur rawatan dan pemberian ubat, pembersihan dan penyelenggaraan kawasan habitat pameran.

Malah, beliau juga berperanan melaporkan perubahan pada tingkah laku haiwan serta menyediakan laporan terperinci bagi aktiviti haiwan dan pengunjung secara harian.

#### PENGLIBATAN AWAL SEBAGAI ZOOKEEPER

Mula bekerja seawal remaja ketika berusia 19 tahun, anak kelahiran Kampung Chin-chin, Jasin itu berkongsi kisahnya apabila berminat menjadi seorang penjaga zoo ketika sering mengikuti arwah ayahnya yang bekerja sebagai pengawal keselamatan di zoo semasa kecil.

"Dulu arwah ayah kerja sebagai pengawal keselamatan di Zoo Melaka, dan sering mengikuti arwah ke zoo, jadi lama-kelamaan, minat timbul untuk jaga haiwan."

"Jadi selepas tamat persekolahan, saya cuba untuk cari kerja dalam bidang zoo ini, dan seorang rakan saya memberitahu, di Singapura ada kerja kosong, bermulalah kerjaya saya di sana," katanya.

#### 16 TAHUN DI ZOO SINGAPURA

Perkhidmatan awalnya yang bermula di Zoo Singapura hanya sebagai pembantu penjaga zoo, mengajar Azman untuk mendalamai lebih lagi ilmu berkaitan penjagaan, makanan, perubatan, membuat kandang haiwan serta pelbagai teknik berkaitan haiwan-haiwan di zoo.

Ujarnya, kerjaya sebagai zookeeper pada ketika dahulu tidak mudah seperti zaman kini, ilmu berkaitan haiwan-haiwan di zoo semuanya perlu dicari sendiri dengan kaedah menulis surat kepada kenalan zookeeper di luar negara berkaitan haiwan.

Tambah Azman, rangkaian sesama zookeeper itu perlu untuk bertukar-tukar pandangan, sekali gus menggambarkan kesusahan yang dialami dahulu untuk mendapatkan infomasi berkaitan haiwan berbanding kini amabila semua maklumat boleh didapat di internet.

"Dulu masa telefon bimbit tiada lagi, kami gunakan kaedah bertukar-tukar surat, dengan rakan zookeeper dari seluruh dunia, macam saya nak tahu berkaitan informasi



**AZMAN...** pernah menjadi bidan kepada haiwan-haiwan di zoo di bawah jagaannya dan paling manis apabila menjadi bidan kepada Orang Utan yang melahirkan 10 ekor anak.

Ilanjut Orang Utan bunting, saya tanya kenaikan di Zoo San Diego, dan mereka pon membalas surat terbabit namun tempoh untuk menerima balasan surat agak lama.

"16 tahun di zoo Singapura, pelbagai ragam haiwan saya kenali, dan spesis Orang Utan antara yang terawal saya jaga dan paling lama saya kendalikan di zoo ini.

"Macam Orang Utan, kalau demam, muka haiwan ini akan berminyak, jadi sebagai penjaga haiwan kita kena 'alert' buat laporan dan panggil doktor.

"Begini juga dengan haiwan lain, sekiranya haiwan terbabit kurang makan dari sebelumnya, pasti ada yang tidak kena, kerana haiwan ini tidak mampu bercakap dan penjalalah yang perlu tahu," kongsinya.

#### 22 TAHUN DI ZOO BANGKOK

Mendapat tawaran untuk 'set-up' Zoo

dan Safari World di Bangkok, Thailand membuatkan Azman berminat untuk mencurahkan ilmu yang dipelajarinya sepanjang berkhidmat di Singapura dan dia juga pernah menjawat jawatan pengurus operasi di zoo terbabit.

Jelasnya, dia antara yang menaikkan nama Zoo dan Safari World di Bangkok dengan merencanakan pelbagai program, pembinaan kandang haiwan di situ.

Ujarnya menyelit nasihat, pengalaman sebagai zookeeper itu tidak boleh dibeli mahal perlu dirasai sendiri dan disulami dengan minat mendalam terhadap haiwan jika ingin menjadi zookeeper yang baik.

#### PENGALAMAN LUAR BIASA

Di Bangkok, antara pengalaman yang boleh dikongsikan apabila beliau perlu 'travel' mengambil sebanyak 22 ekor zirafah dari Afrika untuk dibawa ke Zoo Bangkok.

Selain itu, dia juga pernah menjadi bidan kepada haiwan-haiwan di zoo di bawah jagaannya dan paling manis apabila menjadi bidan kepada Orang Utan yang melahirkan 10 ekor anak.

"Banyak pengalaman luar biasa, saya kongsikan apa yang saya ingat antaranya, apabila pasukan saya pergi ke Afrika untuk bawa pulang ke Bangkok menaiki kapal membawa 22 ekor zirafah dan betapa 'struggle' kami nak kawal haiwan tersebut.

"Sehingga tahun 2012, seingat saya, sebanyak 127 ekor zirafah yang ada hasil pembibitan dari 22 ekor yang dibawa dari Afrika itu.

"Hal itu juga memberikan saya pengalaman lebih luas dan mencipta rangkaian kentalan dari pelusuk negara di dunia ini.

"Antara lain, paling saya tidak boleh lupakan apabila menjadi bidan kepada Orang Utan, saya jaga haiwan itu lama, jadi ia (Orang Utan) percaya pada saya dan ketika dia melahirkan, saya sambut, ia beri anaknya pada saya dan saya jugalah yang memotong tali pusat anak haiwan tersebut," ujarnya sebak.

#### PENGALAMAN PERIT

"Antara pengalaman pahit sepanjang bergelar zookeeper ini adalah pada 2011, iaitu setahun sebelum saya pulang ke Malaysia.

"Tahun itu ada berlakunya banjir yang teruk di Bangkok, dan hampir 70 peratus kawasan zoo itu dinaiki air.

"Kami semua bertungkus lumus menyelamatkan haiwan-haiwan untuk dibawa ke tempat yang lebih tinggi, dan perkara itu sangat mencabar terutama untuk memindahkan zirafah yang tinggi dan paling banyak jumlahnya.

"Ada diantara pasukan kami cedera namun keselamatan dan nyawa haiwan juga perlu diutamakan," kongsinya.

#### NASIHAT KEPADA GENERASI BARU


Pada 2012, Azman memilih pulang ke Malaysia dan berkhidmat di Zoo Melaka selama dua tahun sebelum menerima tawaran dari rakannya untuk membantu buka Kenyir Santuari Gajah dan menetap selama dua tahun.

Selepas itu, dia menurunkan ilmunya ke Sunway Theme Park, Selangor selama tiga tahun dan kembali ke Zoo Melaka pada tahun 2019 sehingga kini.

"Sepanjang berpuluh tahun di negara orang, saya sentiasa semat dalam diri saya, hujung usia jika berkesempatan, saya akan turunkan ilmu saya di tempat saya. Alhamdulillah, Allah izinkan.

"Di Zoo Melaka sehingga kini, saya sedang mengajar 30 bakal zookeeper di mana setiap kali saya akan nasihat perkara yang sama, buat sesuatu perlu ada minat, jika tak minat pupuk minat, kita bekerja dengan haiwan, kita perlukan satu hubungan yang baik dengan haiwan jagaan.

"Dahulu kerjaya Zookeeper ini dipandang sama dengan buruh kasar, tapi kini, negara-negara membangun telah mengangkat kerjaya ini ke peringkat tinggi, dan Insya-Allah, kerjaya ini di Malaysia akan lebih dipandang," jelasnya.



**AZMAN** ketika memberi makanan kepada gajah di Zoo Melaka, Ayer Keroh, baru-baru ini.

# JKKP agih kit makanan kepada enam keluarga

Norizan Muhib

**AYER KEROH** - Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP) melalui Pertubuhan Kebajikan dan Sukan (PKS) mengerjakan kit makanan kepada enam keluarga memerlukan sekitar Bukit Katil, Ayer Keroh dan Batu Berendam.

Program 'Kongsi Rezeki' itu baru sebulan diperkenalkan, namun berjaya mengumpul wang tunai RM3,000 manakala kit makanan bernilai RM300 disumbangkan Sime Darby Plantation.

Pengarah JKKP Melaka, Dr Rabaayah Daud berkata, pihaknya terpanggil membantu apabila melihat semakin ramai pekerja kehilangan pekerjaan akibat diberhentikan majikan yang menutup perniagaan.

"Pemerhatian JKKP ke kilang dan berjumpa dengan majikan, kita diberitahu mereka tidak mampu membayar gaji pekerja kerana terpaksa menutup operasi kilang.

"Dari situ kita memikirkan cara yang perlu diambil bagi membantu pekerja terkesan, maka timbulah



DR RABAAYAH (dua kiri) ketika menyaksikan petugas program 'Kongsi Rezeki' menyampaikan kit makanan kepada Mohd Nizam (dua kanan).

rancangan memperkenalkan program Kongsi Rezeki ini," katanya.

Beliau ditemui Melaka Hari Ini (MHI) ketika mengadakan lawatan ke rumah enam keluarga menerusi program Kongsi Rezeki PKS JKKP, di sini, baru-baru ini.

Menurutnya, seorang penerima,

Mohd Nizam Yusop dari Ayer Keroh, kehilangan punca pendapatan apabila diberhentikan sebagai tukang masak sebuah hotel mewah dekat sini, sejak tiga bulan lalu.

Katanya, lebih malang rumah sewa didiami Mohd Nizam bersama isteri serta tiga anaknya musnah

- Dahulu Mohd Nizam selesa memperolehi gaji bulanan tetap, namun akibat pandemik majikan terpaksa memberhentikannya dan sebahagian kakitangan lain

juga tidak mahu ketinggalan menghulurkan bantuan," katanya.

Penerima lain, seorang pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Lendu, Nur Ain Asbah kini terpaksa berkorban masa dan tenaga demi menjaga ibu bapa yang uzur serta kakaknya, orang kurang upaya (OKU) di Bukit Katil.

Dr Rabaayah berkata, seorang lagi penerima Norhaslini Sejeni dahulu berniaga produk wangian di lobi bangunan JKKP tetapi kini menderita akibat menghidap pelbagai penyakit kronik dan terpaksa berkerusi roda di rumahnya dekat Batu Berendam.

Menurutnya, ada kalangan penerima itu tidak menerima apa-apa bantuan dengan mana-mana agensi kerajaan kerana tidak mahu meminta-minta.

Beliau dalam pada itu menasihatkan majikan di negeri ini khususnya pihak industri perkilangan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan pihak berkuasa dalam usaha memutuskan rangkaian pandemik COVID-19.



## PERODUA SALES SDN BHD (CAWANGAN UTAMA MELAKA)

# 3S

**SALES • SERVICE • SPARE PART**



**0%**  
**SST EXTENDED**



**NORASLINDA**  
Sales Advisor  
017-665 6836



**LOH**  
Sales Advisor  
017-662 6822



**HAZWAN**  
Sales Advisor  
017-310 8798



**FAIZ**  
Sales Advisor  
013-704 1318



**AZRUL**  
Sales Advisor  
011-3921 6515



**HAFIZ**  
Sales Advisor  
016-266 0544



**AMIRAH**  
Sales Advisor  
019-744 5646

**ALZA**  
PRICE FROM  
RM49,944

**MYVI**  
PRICE FROM  
RM41,292

**ARUZ**  
PRICE FROM  
RM68,526

**ATIVA**  
PRICE FROM  
RM61,500

**BEZZA**  
PRICE FROM  
RM33,456

**AXIA**  
PRICE FROM  
RM23,367



**DON'T WAIT UNTIL YEAR END!  
BOOK NOW WHILE TAX  
HOLIDAY CONTINUES**

PPV Masjid Ar-Rahman

# Tumpu kariah tiada janji temu MySejahtera



**RUANGAN** Stesen 4 disediakan bagi memberi suntikan vaksin kepada penerima yang hadir ke Masjid Ar-Rahman di Krubong.

**Fiqa Jamal**

**KRUBONG** - Penduduk Krubong yang belum mendapat janji temu vaksinasi disaran mendaftar dengan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) masing-masing di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Masjid Ar-Rahman, Tanah Merah, di sini.

Pengerusi masjid itu, Rafie Ahmad berkata, PPV Masjid Ar-Rahman mula beroperasi 31 Julai lalu dan tertumpu kepada ahli kariah yang masih tidak disenaraikan menerima vaksin.

Katanya, kariah itu meliputi dua kampung dan tiga taman perumahan yang besar.

"Bagi lokaliti di sekitar Kru-

bong, sekiranya ada dalam kalangan kariah belum menerima janji temu vaksinasi menerusi MySejahtera, boleh beri maklumat kepada pihak masjid dan JPKK untuk diaturkan oleh pihak PPV Masjid.

"Di sini kami tidak menerima 'walk-in' sebaliknya ahli kariah yang mendaftar akan dihubungi menerusi panggilan telefon dan mesaj untuk diberi tarikh serta masa untuk divaksin."

"Setelah selesai untuk kariah Krubong, barulah kita akan buka kepada kariah berhampiran seperti di Beringin, Kampung Belimbing Dalam dan Cheng untuk diletakkan sebagai 'standby list'."

"Sekiranya ahli kariah tidak dapat hadir maka akan digantikan

dengan penama yang sedang menunggu," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini (MHI) di Masjid Ar-Rahman, Tanah Merah, di sini pada 7 Ogos lepas.

PPV Masjid Ar-Rahman antara empat masjid pertama di Melaka yang dipilih menjadi PPV sementara sehingga 16 Oktober depan dan dijangka pembukaan PPV Masjid itu mampu memberi manfaat kepada lebih 2,000 penerima di kawasan Krubong.

Program vaksinasi dilakukan setiap hari Sabtu membabitkan 420 penerima dan dibantu oleh 50 sukarelawan terdiri daripada pengamal perubatan, pertubuhan bukan kerajaan dan ahli jawatankuasa masjid.

## Inisiatif perniagaan digital ANGKASA sasar 3,000 peruncit

**Faiz Hasan**

**SEMABOK** - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) menyasarkan 3,000 lagi peruncit dan perniagaan koperasi di negara ini meneruskan perniagaan menggunakan pendekatan platform digital.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pihaknya sedia membantu golongan terbabit menerusi program Projek Barang Asas 100 (BA100) bagi kelangsungan perniagaan ketika negara dilanda wabak pandemik COVID-19.

Jelasnya, pihaknya menyasarkan 3,000 peruncit dan koperasi akan menggunakan platform terbabit sepenuhnya dalam tiga tahun selepas ia dilancarkan pada pertengahan tahun lalu.

"Setakat ini hanya 500 peruncit dan koperasi telah menyertai program yang dijalankan ANGKASA menggunakan platform digital iaitu JiMATShop dan JiMATbiz.

"ANGKASA sedia bantu mereka dengan inisiatif melalui nilai harga barang pendahuluan berjumlah RM10,000 dan ini akan membantu mereka memasarkan barang secara atas talian.

"Kita percaya ia tidak boleh dilaksanakan terus kerana memerlukan kemahiran mendalam seperti menguruskan sistem pembayaran, pemasaran, pembukaan akaun serta penggunaan platform e-wallet, dan kita sedia membimbang mereka," katanya.

Beliau ditemui media selepas program sumbangan barang keperluan menerusi projek BA100 kepada 500 ibu tunggal melalui Koperasi Ibu Bestari Melaka Berhad di Taman Pertam Jaya, di sini pada 8 Ogos lepas.

Mengulas lanjut ujarnya, dengan peruntukan RM10,000 itu, peruncit boleh membeli barang daripada pembekal untuk dijual semula serta berpeluang menerima tambahan peruntukan sekiranya mencapai sasaran pihaknya.

"Jika segala dokumentasi dan pembayaran mereka mengikut masa mereka boleh disenaraikan untuk menerima tambahan daripada inisiatif ini."

"Kita harap gerakan ini mampu membantu meneruskan kelangsungan perniagaan masing-masing dan menyeri semua peniaga menyemak semula keperluan dalam perancangan perniagaan mereka bagi mendapat pulangan cepat," katanya.



**SHAHRUL Anuar** (kiri) menderma darah pada program anjuran PMPM, Bank Darah Hospital Melaka dan Pejabat Khidmat Rakyat Parlimen Masjid Tanah di Dewan PERKIM, Masjid Tanah, baru-baru ini.

## Kecacatan tidak halang anggota tentera derma darah

**LENDU** - Kecacatan akibat kemalangan ketika menjalani latihan pada 2004 tidak menghalang seorang anggota tentera untuk menderma darah.

Shahrul Anuar Abdul Rahim, 38, berkata, dia tetap ingin menabur budi dengan menderma darah bagi membantu menyelamatkan nyawa.

Anggota Kor Jurutera Elektrik Kem Terendak, Sungai Udang itu berkata, akibat kemalangan itu, dia cedera pada tulang belakang dan terpaksa menjalani enam pembedahan sejak kejadian hingga 2016.

"Alhamdulillah, walaupun berstatus OKU sejak kemalangan itu, saya tetap tidak mahu melepaskan peluang menabur budi sesama manusia," katanya.

Dia berkata demikian ketika ditemui menderma darah pada program anjuran Pertubuhan Mesra Pengguna Malaysia (PMPM) dengan kerjasama Bank Darah Hospital Melaka dan Pejabat Khidmat Rakyat Parlimen Masjid Tanah di Dewan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), di sini, baru-baru ini.

Anggota polis, Ibrahim Yahya, 56, berkata dia menderma darah kali ke-22 hari ini semata-mata ingin membantu mereka yang dalam kecemasan.

"Alhamdulillah, saya diberikan kesihatan yang baik setakat ini yang membolehkan saya memberikan khidmat atau amal jariah kepada anggota masyarakat dengan menderma darah."

"Semoga dengan amal yang sedikit ini saya mampu membantu manusia lain yang memerlukan darah untuk meneruskan kehidupan," katanya.

Menjelang persaraannya pada 12 Oktober depan, Ibrahim berazam untuk terus menabur budi kepada sesama insan dengan amalan itu, sekali gus membantu mengekalkan kesejahteraan kesihatannya.

Timbalan Presiden PMPM, Azlin Othman berkata, seramai 88 pendera memberikan sumbangan pada program itu bagi membantu memastikan bank darah mempunyai bekalan darah mencukupi.



**ABDUL FATAH** (dua kanan) menyampaikan sumbangan kit makanan kepada seorang ibu tunggal di Taman Pertam Jaya, pada 8 Ogos lepas.

# Bekas CEO MUFC dilantik Ahli Lembaga Pengarah MFL

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**BEKAS** Ketua Pegawai Eksekutif Kelab Bolasepak Melaka United (MUFC), Datuk Mohd Saiful Mat Sapri dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah baharu Malaysian Football League (MFL) bagi penggal 2021-2025 pada 11 Ogos lepas.

MFL dalam satu kenyataan memaklumkan, Mohd Saiful yang juga Pengarah Eksekutif MUFC adalah muka baharu dilantik menjawat jawatan berkenaan.

Pelantikannya bersama dua lagi muka lama iaitu Pengarah Johor Darul Ta'zim (JDT), Datuk Mohamad Jaifuddin Bujang Mohidin dan Ketua Pegawai Eksekutif UiTM FC, Mustaza Ahmad dibuat



MOHD SAIFUL

menerusi pemilihan oleh 22 Rakan Kongsi Liga dalam Mesyuarat Rakan Kongsi Liga Ke-5 yang diadakan secara maya itu.

Presiden MFL, Datuk Hamidin

Mohd Amin turut mengalau-alukan kedatangan tiga Ahli Lembaga Pengarah MFL yang dipilih itu dalam memberikan perubahan kepada Liga Malaysia pada masa akan datang.

"Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Datuk Saiful, Datuk Jaifuddin dan Mustaza yang dipilih oleh Rakan Kongsi Liga menjadi Ahli Lembaga Pengarah MFL bagi penggal 2021-2025.

"Sesungguhnya jawatan ini bukan boleh dipandang ringan di mana tanggungjawab dan komitmen tinggi dituntut dalam usaha membantu Liga Malaysia.

"Tetapi saya optimis bahawa mereka juga memiliki keupayaan

untuk membantu MFL sebagai mana mereka sendiri dipilih oleh Rakan Kongsi Liga untuk menjadi Ahli Lembaga Pengarah MFL," katanya dalam satu kenyataan.

Dalam perkembangan lain, Hamidin turut mendedahkan MFL telah meminda Perlembagaan MFL iaitu Klausa 16.3 (c) berkaitan penggal Ahli Lembaga Pengarah MFL.

"Hari ini (11 Ogos) MFL bersama Rakan Kongsi Liga bersidang secara maya dan telah membincangkan pelbagai perlembagaan yang dipinda, antaranya Klausa 16.3 (c) – Penggal Ahli Lembaga Pengarah.

"Sekretariat mencadangkan pindaan kepada klausa penggal Ahli Lembaga Pengarah MFL untuk

menjelaskan bahawa sekiranya wakil kelab tidak lagi memegang jawatan Pengurus atau Presiden, Ahli Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif, atau Pengurus Besar Kelab, mereka secara automatik hilang jawatan sebagai Ahli Lembaga Pengarah MFL.

"Undian untuk jawatan kosong ini akan diadakan pada Mesyuarat Rakan Kongsi Liga yang berikut," ujarnya.

Dalam mesyuarat itu juga, Hamidin mengingatkan agar Ahli Lembaga Pengarah MFL supaya bersedia dengan perancangan lebih awal bagi Liga Malaysia 2022 yang dijangka lebih mencabar dalam tempoh pandemik COVID-19 yang masih belum berakhir.

## Jijoe bukti stigma karier musnah selepas berkahwin salah

**JAGUH** berbasikal trek negara Datuk Mohd Azizulhasni Awang membuktikan mereka yang meramalkan kariernya akan hancur, mempunyai perut buncit dan lutut longgar apabila menamatkan zaman bujangnya pada usia 22 tahun, adalah tidak benar.

Sebaliknya, pemenang pingat perak Tokyo 2020 yang membina mahligai perkahwinan bersama Datin Athiah Ilyana Abd Samat, 35, pada 2010 bersyukur apabila kariernya masih bertahan dan terus mengecap pelbagai kejayaan sehingga hari ini.

"Pepatah 'di belakang kejayaan seseorang lelaki itu ada seorang perempuan yang hebat' adalah benar sama sekali. Saya buktikan itu (stigma) semua dusta, syukur Alhamdulillah sampai ke hari ini masih perkasa."

"Orang hanya lihat kejayaan saya adalah hasil daripada kerja keras latihan dan sebagainya tetapi sebenarnya sokongan jitu daripada isteri dan keluarga adalah melangkaui segala-galanya," katanya dalam satu hantaran menerusi laman Facebook dan Instagram pada 11 Ogos lepas.

Hasil perkahwinan Azizulhasni, 33, dan Athiah Ilyana itu, mereka dikurniakan dua cahaya mata iaitu Amna Maryam, 8, dan Amna Khadeejah, 5. Isterinya sedang mengandung anak ketiga mereka.

Azizulhasni yang diberi julukan 'The Pocket Rocketman' itu turut mengambil kesempatan memberi penghargaan kepada kedua ibu bapanya iaitu Selamiah Yong dan Awang Embong.

Katanya, ibunya dengan rela hati terpaksa melepaskan beliau berhijrah ke Kuala Lumpur ketika berusia 16 tahun demi mengejar cita-cita menjadi atlet negara dan si-



AZIZULHASNI

tuasi itu menyebabkannya amat jarang berjumpa apatah lagi meluangkan masa bersama keluarga seperti orang lain.

"Tetapi dalam keadaan begitupun, Ma (ibu) masih sentiasa memberikan sokongan, menyuruh saya supaya sentiasa berlatih bersungguh-sungguh dan mengejar impian peribadi dan misi negara," katanya.

Sementara itu, Azizulhasni yang mesra disapa 'Jijoe' menyatakan semangat bapanya yang juga pesakit demensia dan pernah diserang strok sebelum ini, sentiasa bersama dalam dirinya walaupun jarang dapat bersua.

Juara keirin dunia 2017 itu berkata, hanya Allah SWT sahaja yang mengetahui perasaannya se-

baik mendapat perkhabaran bapanya dimasukkan ke hospital akibat strok beberapa hari sebelum ke Jepun.

Beliau pada masa sama turut berterima kasih kepada adik-beradiknya di Terengganu yang menjaga bapanya dengan rapi seterusnya mereka memintanya memberi tumpuan penuh menggalas cabaran negara di Velodrome Izu.

Pada aksi final keirin lelaki 8 Ogos lepas, penyandang juara Jason Kenny dari Great Britain mengesahkan pingat emas untuk mengekalkan gelarannya manakala Azizulhasni melintasi garis penamat untuk pingat perak dan gangsa pula milik pelumba Belanda, Harrie Lavreysen. - BERNAMA

**Ishak gemar bergurau, lantang bersuara - Rosman**

**SIKAPNYA** yang gemar bergurau senda dan sering melakukan lawak bersahaja membuatkan kehilangan bekas pelumba kebangsaan Ishak Alwi dirindui oleh ahli keluarga dan sanak saudara, selepas pelumba legenda itu meninggal dunia pada 7 Ogos lepas.

Menurut abangnya Rosman Alwi, yang juga bekas pelumba kebangsaan, Ishak yang pernah memenangi pingat emas edisi pertama Kejohanan Lumba Basikal ASEAN 1985 juga seorang lantang bersuara mengenai sesuatu perkara.

"Sehingga sekarang, kami (ke-eluarga) termasuk anak buah masih teringat-ingat lawak serta gurauan arwah Ishak," katanya ketika dihubungi Bernama baru-baru ini.

Ishak, 55, yang menghidap penyakit diabetik menghembuskan nafas terakhir di Hospital Ampang pada lewat malam 7 Ogos lalu, selepas dijangkiti COVID-19.

Allahyarham meninggalkan seorang isteri, Zariah Ismail, lewat 40-an, serta lima anak terdiri daripada dua lelaki dan tiga perempuan berusia 13 hingga 26 tahun.

Menurut Rosman, adiknya dilaporkan berada dalam keadaan lemah sebelum dikeharkan ke hospital untuk pemeriksaan lanjut.

"Saya cuba memberitahu anaknya melalui panggilan video agar tidak panik ketika arwah bapanya itu lemah pada Jumaat dan majur ambulan cepat tiba, namun keadaan arwah semakin merosot selepas dirawat di hospital dan doktor kemudian memaklumkan arwah positif COVID-19 selepas



ISHAK menghembuskan nafas terakhir di Hospital Ampang pada 7 Ogos lalu, selepas dijangkiti COVID-19.

meninggal dunia," katanya.

Sementara itu, Rosman memaklumkan arwah yang menjalankan perniagaan sendiri selepas meninggalkan sukan berbasikal, tidak pernah terlepas daripada mengikuti perkembangan sukan berbasikal negara hingga sanggup turun ke Velodrom Cheras satu masa dahulu bagi menyatakan sokongan kepada pelumba tempatan.

Rosman berkata jenazah Ishak telah selamat dikebumikan pada 11 Ogos di Tanah Perkuburan Islam AU4, Lembah Keramat, serta bersyukur urusan pengebumian berjalan lancar.

Ishak terkenal sebagai pelumba acara pecut dan satu kilometer ujian masa (ITT) pada era 80-an dan pernah mewakili negara di Kejohanan Remaja Dunia 1984 di Paris. - BERNAMA

Mohd Saiful dilantik Ahli Lembaga Pengarah MFL **23**

'Allahyarham gemar bergurau, lantang bersuara' **23**

MELAKA HARI INI / 16 - 22 Ogos 2021



# Sukan MELAKA HARI INI

AZIZULHASNI menghadiahkan pingat perak buat negara pada Sukan Olimpik 2020 di Tokyo, selepas menduduki tempat kedua perlumbaan final acara keirin pada 8 Ogos lepas.

FARAH Ann gagal sumbang pingat untuk kontinjen Malaysia.

AARON Chia-Soh Wooi Yik raih gangsa dalam acara badminton beregu lelaki pada Sukan Olimpik 2020.

## Apa seterusnya buat kontinjen Malaysia?

KONTINJEN Malaysia harus melakukan penilaian secara menyeluruh terhadap prestasi di temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020 dan bukan menjadikan kejayaan Datuk Mohd Azizulhasni Awang sebagai penyelamat, menurut penganalisis sukan.

Dr Pekan Ramli berkata pertamanya, kontinjen negara tidak meraih pingat emas pertama Olimpik seperti disasarkan di bawah Program Podium yang dilancarkan pada 2016, selain menyaksikan Malaysia tidak mencapai kedudukan 10 terbaik di Sukan Komanwel dan Sukan Asia 2018.

Beliau turut mempersoalkan sama ada satu perak dan satu gangsa dimenangi di Tokyo adalah pulangan setimpal untuk berjuta ringgit yang dibelanjakan bagi mempersiapkan atlet negara ke Tokyo lima tahun lepas.

Pekan yang juga Ketua Seksyen Sukan Kementerian Pengajian Tinggi menekankan bahawa COVID-19 tidak boleh dijadikan alasan kerana negara dan atlet lain juga mengalami situasi sama susulan pandemik itu yang kembali meruncing sejak awal 2020.

"Kalau kita lihat pada pencapaian keseluruhan, tidak membanggakan sangat. Boleh dikatakan sebagai tiga kegagalan, iaitu sasaran tiga pingat tapi hanya mendapat dua, sasaran emas pertama tidak tercapai dan (bagi badminton) orang lain yang disasar meraih pingat tapi orang lain yang beraksi bermatian-matian untuk meraih pingat."

"Pandemik bukan hanya melanda negara kita negara

lain pun terkesan, tapi saya rasa ada sebab lain menyebabkan mereka cemerlang di Olimpik. Selepas sasaran tersasar di Sukan Asia, Sukan Komanwel dan Sukan SEA 2019, kita dah patutnya tahu sama ada berada di landasan tepat atau tidak," katanya ketika dihubungi Bernama, baru-baru ini.

Pada temasya Olimpik Tokyo 2020 dari 23 Julai hingga 8 Ogos lepas, kontinjen Malaysia terdiri daripada 30 atlet dalam 10 jenis sukan, gagal mencapai sasaran tiga pingat, dengan satu daripadanya pingat emas, dan pulang dengan masing-masing sebutir perak dan gangsa.

Mohd Azizulhasni menghadiahkan pingat perak dalam acara keirin lelaki manakala gandingan Aaron Chia-Soh Wooi Yik meraih gangsa acara badminton beregu lelaki.

Walaupun merasakan agak terlambat kerana hanya tinggal tiga tahun sahaja lagi untuk Sukan Olimpik Paris 2024, namun Pekan berpendapat perlu ada perancangan dan projek khas untuk temasya 2024 serta seterusnya.

Hanya Persatuan Badminton Malaysia (BAM) sahaja dilihat telah merangka pelan melepas Olimpik Tokyo, iaitu Projek 2024 yang dilancarkan pada September 2019 dengan matlamat untuk meraih pingat emas di Olimpik Paris dan menempah slot ke final Piala Thomas.

Pensyarah kanan Fakultati Sains Sukan dan Rekreasi Universiti Teknologi MARA (UiTM) itu berkata, kebergantungan terhadap atlet 'otai' atau berpengalaman juga harus dikurangkan

dengan mengenal pasti dan melatih bakat muda yang berpotensi mencabar saingan pingat di peringkat antarabangsa.

Contoh, penerjun berusia 14 tahun dari China, Quan Hongchan yang menguasai acara 10 meter (m) platform wanita di Tokyo, Pekan berkata atlet negara perlu menetapkan dalam minda bahawa mereka bertanding di Olimpik adalah untuk memenangi pingat, bukan menganggap kelayakan mereka ke Olimpik sebagai satu kejayaan.

"Penetapan minda macam itu tak boleh ada untuk Olimpik, belum tentu pasti untuk Olimpik seterusnya atlet itu layak, jadi mereka perlu faham apabila menyertai Olimpik, tak kira sama ada secara merit atau 'wildcard', anggaplah ia sebagai penyertaan pertama dan terakhir untuk berikan aksi terbaik."

"Atlet juga perlu sedar penyertaan di beberapa edisi Olimpik bukan untuk jumlah penyertaan tertinggi semata-mata... Kalau empat kali masuk Olimpik, dah 16 tahun, sekadar menyertai tanpa menang pingat. Kena pastikan prestasi baik," katanya.

Selain itu, Pekan mencadangkan bahawa sasaran pingat Olimpik sepatutnya ditetapkan satu atau dua tahun sebelum temasya, dengan mengenal pasti sukan dan siapa atlet supaya fokus dan hala tuju tepat, tetapi mengakui ia sukar dengan proses kelayakan yang mengambil tempoh sehingga beberapa bulan sebelum temasya bermula. - BERNAMA